

BAB I

KONSEP HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

BAB I

HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

1.1 DEFINISI SEBAT

Perkataan sebat merupakan terjemahan daripada perkataan bahasa Arab iaitu *al-jald* yang diambil dari perkataan asalnya *al-jild* bermaksud kulit.¹ Ibn Manzūr dalam *Lisān al-’Arab* menjelaskan perkataan *al-jald* tadi sebagai nama terbitan daripada perkataan asalnya yang bermakna pukulan atau deraan.² Oleh itu jelas sekali daripada maksud nama terbitan ini ialah pukulan yang ditujukan kepada kulit atas badan seseorang, bukannya isi atau tulang mereka yang disebat.

Kitab-kitab fiqh jenayah Islam tidak banyak yang memberikan takrifan terperinci mengenai perkataan sebat. Ibn Qudāmah ada menyebut secara ringkas di dalam kitabnya *al-Mughnī* bahawa perkataan *al-jald* bolehlah difahami sebagai memukul dengan *ṣawq* iaitu cemeti.³ al-Syawkānī menghuraikan maksud *al-ṣawq* sebagai satu jenis ranting kayu bersaiz sederhana, tidak terlalu baru atau pun lama. Menurut beliau, ukur lilitnya ialah sebesar jari manakala panjangnya ialah satu hasta.⁴ Syeikh al-Islām Ibn Taimiyyah pula mendefinisikan sebat sebagai satu bentuk pukulan yang bersifat sederhana iaitu tidak terlalu kuat dan tidak

¹ *al-Munjid fī al-Lughah Wa al-’I'lām* (1986), Cetakan ke 27 , Beirut: Dār al-Masyriq, hal. 96

² Abū al-Faḍl Jamaluddin Muhammad Ibn Mukrām Ibn Manzūr(1955) , *Lisān al-’Arab*, jilid 12 Beirut: Dār al-Sādīr, hal. 125

³ Abī Muḥammad Ibn ’Abdu’l-Lāh Ibn Aḥmad Ibn Maḥmūd Ibn Qudāmah (t.t) , *al-Mughnī wa Yālihi al-Syarh al-Kabīr*, jilid 10. Beirut: Dār al-Kitāb al-’Arabi, hal. 128

⁴ Muhammad ’Ali Ibn Muḥammad al-Syawkānī (1983), *Nayl al-Awṭār Syarh Muntaqā al-Akhyaṛ*, jilid 7. Beirut: Dār al-Fikr, hal.285

juga terlalu perlahan dengan menggunakan cemeti yang sederhana iaitu tidak terlalu berat dan tidak terlalu ringan.⁵ Selain dari itu kebanyakan fukaha lebih banyak menumpukan kepada hukuman sebat itu sendiri serta sejarah pensyariatan dan perlaksanaan yang telah dibuat pada zaman Rasulullah s.a.w serta para sahabat baginda.

Pemakaian perkataan sebat juga berasaskan keterangan-keterangan yang dipetik daripada ayat-ayat al-Quran serta al-Sunnah yang menggunakan perkataan *jald* untuk maksud deraan atau pukulan pada badan pesalah. Antaranya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Nūr 24:4:

الرُّانِيَةُ وَالرَّانِيُّ فَاجْلَدُوْا كُلُّ وَاحِدٍ
مِنْهُمَا مِائَةً جَلْدًا

Maksudnya:

“Penzina perempuan dan penzina lelaki maka sebatlah tiap-tiap seorang daripada kedua-duanya dengan seratus kali sebat”.

Selain daripada perkatan *al-jald*, Adakalanya al-Quran menggunakan perkataan *al-darb* untuk maksud pukulan sebagai suatu hukuman fizikal bagi kesalahan-kesalahan tertentu. Firman Allah dalam surah al-Nisā' 4: 34 :

وَاللَّاتِي تَحَافَقْنَ نُشَوْهْنَ قَعْطُوهْنَ وَأَهْجَرُوهْنَ فِي
الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهْنَ

Maksudnya:

“Dan wanita-wanita yang kamu khawatir nusuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkan mereka dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka..”

⁵ Ahmad Ibn 'Abd al-Halim Ibn Taimiyyah(1966), *al-Siyāsah al-Syar'iyyah fi Islāhi al-Rā'i wa al-Rā'iyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah, hal.101

Di dalam al-Sunnah juga terdapat penggunaan perkataan *al-jald* bagi maksud hukuman sebat. Antaranya sabda Rasulullah s.'a.w :

أَبْكِرْ بِأَبْكِرْ جَلْدٌ مِائَةٌ وَتَغْرِيبٌ سَنَةٌ⁶

Maksudnya :

“Teruna dan dara yang berzina hukumannya ialah seratus kali sebat serta buang daerah selama setahun”

Dalam satu hadith yang lain Rasulullah s.'a.w memerintahkan kepada para ibu bapa supaya mengajar anak-anak mereka mendirikan solat sewaktu mereka berumur tujuh tahun dan memukul apabila mereka enggan mendirikan solat setelah berumur sepuluh tahun. Sabda Rasulullah s.'a.w :

عَلِمُوا الصَّبِيُّ الصَّلَاةَ إِذْنَ سَبْعِ سِنِينِ
وَاضْرِبُوهُ عَلَيْهَا آئِنَ عَشْرَةً⁷

Maksudnya:

“Didiklah anak-anak kamu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (sekiranya enggan mendirikan solat) ketika berumur sepuluh tahun.”

Di dalam konteks ini Rasulullah s.'a.w tidak menggunakan perkataan *al-jald* sebaliknya menggunakan istilah *al-darb*. Hal yang sama juga kita lihat dalam nas al-Quran yang menyuruh para suami memukul isteri-isteri mereka yang

⁶ Muhammad bin Yazid Abū 'Abdu'l-Llāh Ibn Mājah al-Qazwini (1985), *Sunān Ibn Mājah*, jilid 2. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (pentahqiq) hadith 2550. T.T.P: Dār al-Turāth al-'Arabi, hal.852

⁷ Imam al-Hāfiẓ Abī 'Isā Muhammād Ibnu 'Isā Ibnu Sūrah al-Tirmidhi (1983), *Sunan al-Tirmidhi*, volume 1, Abwāb al-Šolat , cetakan ke 3, hadith 405. Beirut : Dār al-Fikr, hal.253

musyuz. Walaupun kedua-duanya membawa maksud memukul namun terdapat perbeaan dari segi tujuan dan cara antara kedua-duanya.

Daripada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah tadi terdapat dua perkataan yang digunakan untuk makna sebat atau pukul iaitu perkataan *al-jald* dan perkataan *al-darb*. Imam al-Ramli⁸ dan al-Bahnasi⁹ berpendapat bahawa istilah pukul (*al-darb*) juga merupakan satu bentuk yang terdapat dalam hukuman sebat (*al-jald*). Walau bagaimana pun kedua-dua fikaha ini berpendapat istilah *al-darb* lebih sesuai digunakan untuk maksud hukuman pukul bagi kesalahan-kesalahan takzir manakala *al-jald* pula sebagai hukuman pukul bagi kesalahan-kesalahan hudud berdasarkan pemakaian kedua-dua istilah tersebut bagi konteks yang berbeza dalam kedua-dua sumber iaitu nas al-Quran dan juga al-Hadith.

Dalam buku-buku berbahasa Inggeris juga didapati terdapat beberapa perkataan yang digunakan untuk maksud sebat iaitu "*flogging*" (memukul kuat-kuat menggunakan rotan atau cambuk), "*whipping*" (memukul kuat dengan alat panjang seperti tali)dan "*lashing*" (sebat dengan rotan). Di samping itu perkataan "*birching*" daripada perkataan "*birch*" (iaitu seberkas ranting yang digunakan untuk menghukum) juga turut digunakan.¹⁰ Perkataan-perkataan ini mempunyai selisih makna yang kecil dan sering digunakan untuk maksud sebat. Istilah "*flogging*", "*whipping*" dan "*lashing*" sering digunakan dalam konteks yang sama

⁸ al-Ramli, (1968), *Nihāyat al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, jilid 8. Mesir : Maktabah Muṣṭafā al-Halabiyī, hal. 19

⁹ Ahmad Fathi al-Bahnasi (1970), *al-'Uqūbah fi al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut : Dār al-Rā'īd al-'Arabi, hal. 186.

¹⁰ Kamus Dwi – Bahasa (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal.489. *Longman Dictionary of Contemporary English* (1982), Paul Procter (Chief Ed.). England : Longman Group Limited, hal.3 dan hal.1225 dan lihat juga dalam *The Lexicon Webster Dictionary* (1985), Volume I, USA : Delair Publishing , hal.374.

dengan sebat atau *jald* itu sendiri.¹¹ Manakala istilah “*birching*” merujuk kepada pukulan yang lebih ringan di mana alat yang digunakan bukanlah rotan atau cemeti tetapi terdiri daripada jenis ranting-ranting pokok yang diikat dan digunakan untuk memukul.¹² Istilah “*whipping*” telah digunakan bagi maksud hukuman sebat rotan yang di amalkan di penjara-penjara sivil di Malaysia. Istilah ini dirujuk kepada amalan hukuman sebat terhadap pesalah jenayah sivil yang ada masa kini dalam temubual yang telah dibuat bersama PPP di Ibupejabat Penjara Kajang di mana beliau mendefinisikan “sebatan ialah satu pukulan dengan menggunakan rotan yang dihayun dengan ketinggian tidak melebihi 190 darjah dan dikenakan ke atas bahagian punggung pesalah”.¹³ Istilah “*canning*” pula lazimnya digunakan apabila merujuk kepada pukulan dengan rotan yang lebih ringan bagi kesalahan-kesalahan tertentu atau suatu hukuman sebat yang boleh dibuat di tempat terbuka seperti kawasan sekolah atau institusi tertentu misalnya mahkamah.

Berasaskan kepada huraihan-huraihan tadi, sebat dari perspektif hukum Islam dapat didefinisikan sebagai satu hukuman bagi kesalahan-kesalahan hudud dan takzir dengan cara memukul menggunakan alat-alat tertentu seperti rotan atau cemeti pada bahagian kulit anggota badan pesalah tanpa menembusi isi serta tulang dengan menggunakan kekuatan yang sederhana. Ia amat berlainan dengan definisi sebat dari perspektif undang-undang jenayah sivil yang mana ianya merupakan satu bentuk pukulan yang kuat kerana terbit dari satu hayunan yang

¹¹ Hārith Sulaymān al-Fāruqī (2000), *al-Mu'jam al-Qānūni*. Beirut: Maktabah Lubnan, hal.745. Lihat juga dalam *The Oxford English –Arabic Dictionary of Current Usage* (1972). N.S Doniach (ed.). London : Oxford University Press, hal.664.

¹² *The Oxford English –Arabic Dictionary*, *ibid*, hal.121

¹³ Temu bual bersama dengan PPP Sabri Ismail di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang pada 25.04.03 jam 11.30 pagi. Mengenai perkara ini beliau menjelaskan sebatan yang digunakan bagi pesalah jenayah sivil dibuat secara “*whipping*” iaitu pukulan yang kuat dan melibatkan hayunan tinggi atau “*swing*”. Hukuman “*canning*” pula dibuat tanpa hayunan tinggi.

tinggi serta difokuskan kepada satu kawasan sahaja. Akibatnya ialah pukulan itu akan menembusi kulit.

1.2 PERUNTUKAN SEBAT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH

Terdapat ketetapan yang terang dan nyata melalui sumber al-Quran dan al-Sunnah yang memperuntukkan hukuman sebat bagi kesalahan seperti zina serta qadhad (tuduhan melakukan zina). Manakala bagi kesalahan minum arak, kecaman terhadap perbuatan itu disebut oleh al-Quran . Hukumannya pula dinyatakan dalam Hadith nabi s.'a.w secara perkataan serta perbuatan baginda sendiri. Bezanya ialah jumlah bilangan sebatan bagi kesalahan zina dan qadhad adalah ditentukan oleh al-Quran secara jelas serta tiada khilaf mengenainya. Sebat bagi minum arak pula ada khilaf di kalangan fukaha tentang bilangan sebatan samada 40 kali atau 80 kali berdasarkan tafsiran masing-masing daripada amalan Rasulullah s.'a.w sendiri.

Bagi kesalahan zina, hukuman sebat diperuntukkan terhadap penjenayah yang bukan muhsan iaitu mereka yang belum melalui persetubuhan menerusi pernikahan yang sah.¹⁴ Ketentuan ini terdapat dalam al-Quran melalui surah al-Nur 24:2 serta hadith nabi s.'a.w sebagaimana yang telah disebutkan.¹⁵

Bagi kesalahan qadhad, peruntukan mengenainya terkandung dalam surah al-Nur 24:4 iaitu:

¹⁴ Para fukaha berpendapat antara syarat penting bagi muhsan ialah Islam ,berkahwin, merdeka serta akil baligh. Lihat Abd al-Karim Zaydān (1997), *al-Mufassal Fī Aḥkām al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslimah*, jilid 5.Berikut : Muassasah al-Risālah, , hal. 125

¹⁵ Supra, hal.2. Lihat juga dalam Wahbah al-Zuhayly (Dr.) (1985), *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuhu*, jilid 6. Damsyiq:Där al-Fikr, hal. 39

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ لَمْ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ
شُهَدَاءٍ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدًا

Maksudnya:

“Dan bagi mereka yang menuduh perempuan yang beriman kemudian tidak dapat mendatangkan empat orang saksi, maka sebatlah mereka sebanyak 80 kali sebat”

Di dalam al-Hadith, ketentuan hukuman qadhaf yang bersifat duniawi tidak dinyatakan, tetapi menerangkan tentang keburukan perbuatan itu yang termasuk dalam tujuh perkara yang boleh membawa kepada kehancuran dalam kehidupan. Ini menunjukkan al-Hadith berperanan menghuraikan satu ketetapan hukum yang telah disebutkan di dalam al-Quran. Sabda Rasulullah s.a.w :

اجْتَنَبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ
قَالُوا الشَّرِكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ
إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتَمِّ وَالْمُؤْمِنِي بِوَمْ
الزُّحْفِ وَقَدْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ¹⁶

Maksudnya:

“Hindarilah daripada tujuh perkara yang membinasakan. Mereka bertanya, apakah itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Syirik dengan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan perang serta menuduh wanita-wanita beriman (dengan tuduhan zina)”

¹⁶ Abi 'Abd Allah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari (1979), *Şahîh al-Bukhâri*, hadith 840, jilid 8. Pakistan :Kazi Publications, hal-560-561.

Berbeza dengan kesalahan minum arak atau "syurb" . Naṣ al-Quran hanya mendatangkan penjelasan tentang keburukan serta kutukan terhadap peminumnya. Di samping itu dinyatakan juga tentang keseksaan yang akan diterima oleh peminum arak pada hari kiamat.¹⁷ Hukuman dunia winya pula dinyatakan dalam al-Sunnah. Antaranya Rasulullah s.a.w bersabda :

مَنْ شَرِبَ الْخَمْرَ فَاجْلِدُوهُ¹⁸

Maksudnya:
“Barangsiapa yang meminum arak
maka pukullah dia”

Walaupun al-Quran tidak menerangkan bentuk hukuman bagi kesalahan *syurb* ini secara terang-terangan seperti bagi kesalahan hudud yang lain, namun ternyata sekali terdapat kutukan yang hebat dalam al-Quran bagi peminum arak ini. Keadaan ini juga membuka ruang kepada kita untuk meyakini dan merealisasikan rukun iman yang kedua iaitu beriman kepada rasul sebagai penjelas kepada ajaran-ajaran serta hukum hakam Allah s.w.t kepada manusia. Lantaran itulah keterangan yang terdapat dalam hadith menjadi sumber rujukan bagi hukum Islam yang kedua selepas al-Quran. Mengenai perkara ini didapati tiada perselisihan dikalangan ulama Islam.

Bagi kesalahan-kesalahan takzir hukuman sebat turut dinyatakan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Ayat al-Quran berkaitan dengan masalah ini ialah seperti firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisā' 4: 34.¹⁹ Ayat ini menjelaskan hukuman bagi

¹⁷ Lihat ayat-ayat surah al-Baqarah 2:219, al-Nisā'4:43 dan al-Mā'idah 5:90

¹⁸ Abī Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy'ath al-Sajastāni al-Azdi (1998), Sunan Abī Dāwūd, hadis no. 4485 jilid 4. Beirut : Dār al-Jayl , hal.163 . Lihat juga dalam Syawkāni, *op.cit. hal .324.*

¹⁹ Supra, hal.2

isteri-isteri yang melakukan *nusyuz* terhadap suami mereka. Oleh kerana perbuatan tersebut merupakan suatu maksiat yang tidak termasuk dalam kategori hudud, maka hukuman pukul di sini adalah hukuman takzir bertujuan untuk menginsafkan para isteri terhadap kesilapan mereka. Dari segi penggunaan istilah, al-Bahnasi berpendapat istilah *al-darb* lebih sesuai digunakan dalam kesalahan-kesalahan takzir, manakala istilah *al-jald* pula lebih tepat digunakan bagi hukuman hadd.²⁰

Peruntukan daripada hadith dalam masalah takzir pula antaranya sabda Rasulullah s.a.w yang menyentuh mengenai pukulan terhadap anak kecil bagi tujuan mendidik.²¹ Walaupun hukuman pukul dan sebat merupakan bentuk-bentuk hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang jenayah Islam, perlaksanaan hukuman ini tidak boleh dilakukan secara melulu. Al-Quran sendiri banyak menggunakan kaedah amaran serta nasihat terlebih dahulu bagi sesuatu larangan. Kemudian barulah diketengahkan kepada manusia hukuman sekiranya terus ingkar serta melakukan maksiat kepada Allah s.w.t. Begitu pun bagi kes hudud hukuman ini dijalankan dengan penuh kepastian terhadap sesuatu kesalahan. Rasulullah s.a.w mengingatkan supaya menghindari hudud jika berlaku *syubhah* atau keraguan. Begitu juga bagi kes-kes takzir, terutamanya dalam masalah pendidikan, hukuman pukul atau rotan adalah merupakan jalan terakhir setelah gagal melalui cara-cara lain yang lebih lembut. Pukulan itu pula dengan kadar yang amat minima untuk mendidik. Ia hendaklah tidak

²⁰ Ahmad Fathi al-Bahnasi (1970), *al-'Uqubah Fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut : Dâr al-Râ'îd al-Arabi, hal 186.

²¹ al-Tirmidhi, *Supra*, hal 3. Lihat jugauraian dalam 'AbduLlah Naâîh 'Ulwân, *Tarbiyah al-Awlâd fi al-Islâm* ,hal.766

mencederakan serta tidak mengaibkan. Sebaik-baiknya hukuman ini dielakkan sekiranya masih ada lagi cara lain yang boleh digunakan. Ini merupakan teladan daripada Rasulullah s.a.w di mana baginda tidak pernah sekali pun menggunakan cara pukul dalam mendidik para isteri baginda.²²

Jelas sekali hukuman sebat ini merupakan hukuman utama bagi kesalahan hudud serta takzir menurut undang-undang jenayah Islam. Ia juga dianggap sebagai satu bentuk hukuman yang lebih praktikal serta dapat dilaksanakan dengan cepat sebaik sahaja seseorang itu telah sabit dengan sesuatu kesalahan.²³ Hukuman ini juga lebih ekonomi berbanding dengan hukuman penjara yang memerlukan kos pembiayaan tertentu di samping menyekat hak seseorang itu meneruskan kehidupan secara normal selepas dihukum.

1.3 PENDAPAT FUKAHA TENTANG HUKUMAN SEBAT BAGI KESALAHAN HUDUD DAN TAKZIR

Jika dibuat pengamatan terhadap penulisan para fukaha silam yang merupakan warisan bagi tradisi ilmu mengenai hukum-hukum Islam kita akan dapati ramai di kalangan mereka seperti Ibn Qudāmah, Ibn Rusyd, al-Syarbīnī²⁴, Ibn al-Humām, al-Kasānī, al-Dusūqī, Ibn Farhūn dan lain-lain membahaskan mengenai fiqh jenayah Islam dalam karya-karya mereka.²⁴ Pandangan dan pendapat mereka

²² Abdullāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *ibid*. hal. 766.

²³ ‘Abd al-‘Azīz Amir (1955), *al-Tādhīr fī al-Syāri‘at al-Islāmiyyah*. Mesir : Dār al-Kitāb al-Arabi, hal. 343.

²⁴ Abi Bakr Ibn Ma’sūd al-Kasānī al-Hanafī (1998) *al-Badā’i’ al-Šanā’i’*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jilid 9. Lihat al-Syīrāzī (tanpa tarikh), *al-Muhadhdhab*. Mesir : Maktabah wa Matba ah al-Halabiyah, jilid 2. Lihat Muhammād Amin Ibn ‘Abidīn (1966), *Radd al-Muhtār ‘ala Syarh al-Durr al-Mukhtār*. Mesir : Maktabah al-Halabiyah, juz. 4 Lihat Abū al-Walīd Muhammād Ibn Ahmad Ibn Muhammād Ibn Ahmad Ibn Rusyd al-Qurtubī al-Andalūsi (1997) *Bidayat al-Mujtahid Wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jilid 2. Lihat al-Syeikh Syams al-Din Muhammād Ibn al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1997), *Mughnī al-Muhtāj*. Beirut : Dār al-Ma’rifah, jilid 4. Lihat Ibn Farhūn (1985), *Taṣbīrāt al-Hukkām*, Kaherah:

mewakili berbagai aliran pemikiran hukum seperti aliran mazhab Syāfi'i, Ḥanafi, Ḥanbali, Maliki dan Zāhiri. Tinjauan mendapati satu ciri kepada tradisi penulisan yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh silam ialah streotaip dari segi susunan dan isu-isu yang dibahaskan. Perbincangan tersebut lazimnya menumpukan kepada definisi sesuatu kesalahan, unsur-unsur jenayah, syarat-syarat serta hukuman yang ditetapkan. Perbincangan secara berbanding dengan mana-mana undang-undang lain tidak kedapatan. Mengenai hukuman sebat terdapat perkara-perkara yang disepakati dan terdapat juga perkara-perkara yang tidak disepakati di kalangan mereka. Misalnya jumhur fukaha sepakat mengatakan hukuman sebat merupakan hukuman wajib bagi kesalahan zina bukan muḥṣan , qadhf dan kesalahan minum arak. Tetapi terdapat perbezaan pendapat dikalangan mereka tentang bilangan sebatan bagi kesalahan minum arak dan juga kadar maksimum atau minimum sebatan bagi kesalahan takzir.

Hukuman sebat juga turut dibincangkan oleh para fukaha *mujaddid* seperti yang terdapat dalam karya-karya karangan Ibn Qayyim al-Jawziyah dan Ibn Taimiyyah.²⁵ Kedua-dua mereka dilihat mempunyai aliran pemikiran fiqh yang sama serta banyak mengemukakan pandangan-pandangan yang terkini di mana pemikiran hukum mereka memperlihatkan sedikit kelainan berbanding fukaha sebelumnya. Contohnya mereka berpendapat hukuman denda dalam bentuk harta diharuskan bagi kesalahan-kesalahan takzir tanpa menyebut pengecualiannya bagi kes-kes moral. Pandangan mereka ini lebih bersifat liberal dan banyak menggunakan unsur-unsur ijtihad. Ianya banyak mempengaruhi

Maktabah al-Halabiyy, jilid 2. Lihat juga al-Māwardi (1973) *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Mesir : Maktabah al-Halabiyy.

²⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyah (1968), *Ilām al-Muwaqqi'in*. Mesir : Maktabah al-Kulliyat al-Azharriyyah, jilid 2. Lihat Ahmad Ibn 'Abd al-Halim Ibn Taimiyyah (1996), *al-Siyāsah al-Syar'iyyah fi Islāhi al-Rā'i wa al-Ra'iyyah*. Beirut. Dār al-Kutub al-'Arabiyyah.

pemikiran fiqh di kalangan fukaha moden seperti Muḥammad Abū Zahrah, Muḥammad Salīm el-‘Awwā’, ‘Abd al-Karīm Zaydān, Wahbah al-Zuhayly, ‘Abd al-Qādir ‘Awdaḥ dan lain-lain.²⁶ Pandangan-pandangan daripada mereka akan dirujuk sebagai pandangan fukaha sepanjang kajian ini dibuat.

1.3.1 Sebat bagi Kesalahan Hudud

Dalam kes kesalahan zina, fukaha sepakat tentang hukuman bagi penzina yang bukan muḥṣan ialah disebat sebanyak seratus kali. Ianya adalah berdasarkan kepada dalil yang qatī daripada ayat al-Quran sendiri seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini.²⁷ Perbezaan pendapat di kalangan fukaha berlaku tentang hukuman tambahan selain daripada sebat kepada penzina yang bukan muḥṣan iaitu buang daerah. Jumhur fukaha berpendapat hukuman yang wajib ke atas penzina yang bukan muḥṣan ialah sebat seratus kali serta buang daerah selama setahun selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam kitab suci al-Quran dan al-Sunnah.²⁸ Hukuman ini juga berdasarkan amalan para Khulafā’ al-Rasyidin serta fukaha silam seperti Abū Dāwūd, Ibn Maṣ'ūd, Ibn ‘Umar, ‘Aṭā’, Tāwūs, al-Thawrī, Ibn Abī Layla, Ishāq dan Abū Thawr tanpa tentangan daripada para

²⁶ Muḥammad Salīm el-‘Awwā’ (Dr.) (1983), *Fī Uṣūl al-Nizām al-Jinā’i al-Islāmi: Dirāsat al-Muqāranah*. Kaherah: Dār al-Marifah. Lihat Abd al-Karīm Zaydān (Dr.) (1997), *al-Mufasal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim*, cetakan ke 3, Beirut : Muassah al-Risālah, jilid 5. Lihat Wahbah al-Zuhayly (Dr.) (1985), *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuh*, Damsyiq: Dār al-Fikr, jilid 6. Lihat ‘Abd al-Qādir ‘Awdaḥ (1987), *al-Tasyrī al-Jinā’i al-Islāmi*. Beirut: Muassasah al-Risālah, jilid 2.

²⁷ Ibn Rusyd (1997), *op.cit*, hal.638

²⁸ Muḥammad Ali al-Šābūni, *op.cit*, hal. 30

sahabat yang lain. Dengan itu ia juga boleh dianggap sebagai ijmak sahabat.²⁹

Ulama-ulama mazhab Zāhiri juga turut bersetuju dengan pendapat jumhur.³⁰

Kesimpulannya jumhur fukaha setuju tentang hukuman buang daerah disamping hukuman sebat. Mereka hanya berbeza pendapat tentang buang daerah bagi penzina perempuan. Menurut mazhab Syāfi'i, Hanbalī dan Zāhiri berpendapat hukuman sebat hendaklah diikuti dengan hukuman tambahan iaitu buang daerah selama setahun bagi penzina lelaki dan perempuan yang bukan muḥṣan. Bagi pesalah wanita, mereka dibuang daerah dengan ditemani oleh mahramnya dengan upah atau bayaran tertentu. Bagi mereka hukuman buang daerah adalah ketetapan dari Hadith nabi seperti mana riwayat Ubādah Ibn Sāmit dan Abū Hurayrah.³¹

Sabda Rasulullah s.a.w :

خُذُوا عَنِي خُذُوا عَنِي قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ
سَبِيلًا أَلِبَكْرٌ بِالْبَكْرِ جَلَدَ مِائَةً وَنَفْتَى سَنَةً³²

Maksudnya :

“Ambillah dariku ! ambillah dariku. Sesungguhnya Allah telah menjadikan bagi mereka itu (kaum perempuan) jalan. Teruna dan dara yang berzina hukumnya ialah sebat seratus kali serta buang daerah selama setahun”

Hukuman bagi hamba ialah separuh daripada orang merdeka berdasarkan umum ayat al-Quran iaitu sebat sebanyak 50 kali serta buang daerah selama setengah

²⁹ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hal.133

³⁰ Abd al-Rahmān al-Jazīrī (tanpa tarikh) , *Kitāb al-Fiqh Alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, jilid 5. Kaherah: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, hal.64. Lihat juga dalam Ibn Hazm (tanpa tarikh) , *al-Muħalla*, jilid 11. Beirut: Dār al-Fikr, hal 332.

³¹ Lihat huraian-huraian ini dalam al-Syeikh Syams al-Din Muhammad Ibn al-Khaṭīb al-Syarbīni (1997), *op.cit.*, hal.192

³² Abū al-Ḥusainī Muslim Ibn al-Ḥajjāj (1983), *Ṣaḥīḥ Muslim*, jilid 3 , bab al-ḥudūd, hadith 1673.

tahun.³³ Bagi mazhab Maliki,hukuman buang daerah hanya dikenakan kepada pesalah lelaki sahaja, tidak kepada wanita serta hamba samada lelaki atau perempuan. Pandangan ini juga merupakan pandangan al-Awzā'i.³⁴

Ulama fiqh mazhab Ḥanafi pula berpendapat, tidak harus menggabungkan dua hukuman iaitu sebat dan buang daerah. Asas kepada pendapat mereka ialah hukuman buang daerah ini tidak disebut dalam surah al-Nūr mengenai ḥadd zina. Dengan itu bagi mereka mewajibkan hukuman buang daerah seolah-olah menambah sesuatu yang tiada dalam nas. Hadith yang dijadikan sandaran oleh jumhur juga tidak diterima oleh Ḥanafiyah kerana ia merupakan sebuah Hadith Ahad. Jadi bagi Ḥanafiyah, hukuman buang daerah bagi penzina bukan muḥṣan bukanlah hukuman ḥadd tetapi hukuman takzir yang mana ia terletak kepada budi bicara pemerintah untuk melaksanakannya atau tidak.³⁵

Puak Khawarij dan Mu'tazilah pula berpendapat hukuman bagi penzina samada lelaki,perempuan,muḥṣan atau bukan muḥṣan hanya hukuman sebat seratus kali berdasarkan ayat dalam surah al-Nūr 24 :2. Mereka menolak hukuman rejam serta buang daerah atas alasan tidak disebut dalam al-Quran. Bagi mereka hukuman rejam adalah hukuman yang lebih berat berbanding sebat, jadi ia semestinya ditetapkan oleh al-Quran sendiri. Bagaimana pun pandangan ini dianggap lemah serta tidak dapat diterima kerana ia bertentangan dengan amalan Rasulullah s.a.w dan para sahabat serta menafikan peranan hadith sebagai sumber hukum yang ke dua dalam Islam.³⁶

³³ *Ibid.*, hal 194 :

³⁴ Ibn Qudāmah, *op.cit* , hal.133.

³⁵ Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *op.cit*, hal.64.

³⁶ Muhammad Ali al-Sabūnī, *op.cit*,hal.21-22.

Mengenai kesalahan qadhad berlaku *ittifāq* di kalangan fukaha dalam mentafsirkan kesalahan tersebut sebagai hudud dan sebatan sebanyak 80 kali boleh dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah melakukannya. Bagi jenayah hudud seperti zina hukumannya adalah bersifat mandatori, tidak boleh dimaafkan apabila telah *thābit*. Ia juga merupakan satu ketentuan yang bersifat rigid yang menjadi hak Allah s.w.t. Namun demikian bagi kesalahan qadhad terdapat terdapat beberapa pandangan daripada fukaha samada ia merupakan hak Allah atau hak anak Adam. Ekoran daripada itu timbul perbincangan samada mangsa qadhad boleh memaafkan pesalah atau tidak. Dalam soal ini fukaha dapat menerima bahawa terdapat dua hak bagi qadhad iaitu hak Allah dan hak anak Adam.³⁷

Mereka yang berpendapat bahawa hak Allah lebih mengatasi hak anak Adam mengatakan kemaafan daripada mangsa qadhad tidak menggugurkan hukuman *ḥadd* terhadap pesalah. Pandangan ini dikemukakan oleh fukaha mazhab Hanafi.³⁸ Sebaliknya pula mereka yang mengatakan hak anak Adam lebih mengatasi dalam kesalahan qadhad menjadikan pemaafan oleh mangsa menggugurkan hukuman sebat ke atas pesalah. Ini merupakan pandangan mazhab Syāfi'i dan Ḥanbali.³⁹

Bagi mazhab Mālikī pemaafan dari mangsa qadhad hanya sah sekiranya pertuduhan itu belum sampai kepada pengetahuan hakim. Manakala apabila sampai kepada pengetahuan hakim pemaafan dari mangsa masih sah sekiranya

³⁷ Mat Sa'at Abdul Rahman (1999), *Jenayah Hudud*. Shah Alam: Hizbi, hal.101.

³⁸ *Ibid.* hal. 69

³⁹ Abd al-Rahman al-Jaziri,*op.cit*, hal. 230.

mangsa itu sendiri ada unsur -unsur yang boleh menimbulkan tohmah masyarakat terhadap pribadinya. Sekiranya dia merupakan seorang yang terkenal dengan akhlak yang baik serta terpelihara daripada sebarang tohmah, pemaafannya tetap tidak menggugurkan hukuman ḥadd tadi.⁴⁰

Hukuman sebat bagi kesalahan minum arak ialah suatu perkara yang turut disepakati oleh jumhur fukaha kerana ia merupakan satu ketetapan yang bersumberkan sunnah nabi s.'a.w. Namun di sana terdapat khilaf tentang bilangan sebatan yang sepatutnya dikenakan. Persoalan ini timbul kerana al-Quran sendiri tidak menyatakan secara jelas hukuman bagi kesalahan minum arak kecuali larangannya sahaja. Begitu juga tidak ada kata sepakat di kalangan fukaha bahawa bilangan sebatan bagi kesalahan minum arak ini diputuskan melalui ijmak para sahabat.⁴¹

al-Qāfi' Iyād berkata telah ijmak tentang hadd minum arak ialah 40 sebatan. Manakala khilaf hanya berlaku pada bilangan yang lebih daripada 40. Menurut al-Sywakānī, ijmak sahabat hanya berlaku dalam perkara hukuman sebat itu sendiri sebagai ḥadd bagi minum arak dan bukan pada bilangan sebatan tersebut. Dengan itu dakwaan berlaku ijmak pada bilangan sebatan tidak dapat diterima kerana amat jelas berlaku juga perbezaan pendapat di kalangan mereka sebelum pemerintahan Khalifah Umar al-Khaṭṭāb dan selepas daripadanya. Di samping itu juga terdapatnya riwayat-riwayat yang sahih bahawa Nabi s.'a.w sendiri tidak pernah menetapkan bilangan sebatan yang tertentu kepada pesalah minum arak.⁴²

⁴⁰ Abd al-Rahman al-Jazīrī, *ibid.*

⁴¹ Abd al-Qādir Awdah (1987), *op.cit*, hal.506

⁴² al-Shawkānī, *op.cit*, hal. 320

Menurut Imām Alḥmad, Mālik serta Abū Ḥanīfah, kadar sebatan bagi minum arak ialah sebanyak 80 sebatan.⁴³ Ini berdasarkan tindakan Saidinā Umar yang mengenakan sebatan sebanyak 80 sebatan kepada pesalah pada masa pemerintahan beliau. Keputusan itu diambil melalui perbincangan Saidinā Umar dengan para sahabat setelah mereka mendapati jenayah meminum arak semakin berleluasa di kalangan orang ramai. Ia juga berdasarkan pendapat Saidinā Ḥasan dalam perbincangan itu yang menyebut :

"Apabila dia minum, akan mabuk, apabila mabuk dia tidak tahu apa yang dicakapkannya, apabila dia bercakap tidak menentu dia akan memfitnah serta berbohong dan ḥadd memfitnah ialah sebanyak 80 sebatan".⁴⁴

Imām al-Syāfi'i pula berpendapat hukuman ḥadd minum arak ialah sebanyak 40 sebatan. Ia berdasarkan tindakan Saidinā Ḥasan yang memilih untuk mengenakan sebanyak 40 sebatan kepada al-Walīd bin Aqabah . Antara kata-kata Saidina Ḥasan yang masyhur itu ialah :

"nabi telah menyebat sebanyak 40 kali, Abu Bakar telah menyebat sebanyak 40 kali, Umar telah menyebat sebanyak 80 kali.Tiap-tiap satunya adalah sunnah. Dan ini (bilangan 40 kali) yang aku suka"⁴⁵

Menurut mazhab Syāfi'i harus dikenakan sebat sebanyak 80 kali, jika difikirkan perlu oleh pemerintah . Oleh itu bilangan yang lebih daripada 40 itu dikira sebagai takzir.⁴⁶ Sebahagian fukaha yang lain seperti Ibn Munzir dan al-Ṭabarī berpendapat hukuman sebat bagi kesalahan minum arak ialah hukuman takzir

⁴³ al-Syawkānī,*op.cit*, jilid 7, hal. 144

⁴⁴ al-Zarqānī (t.t), *Šyarḥ al-Zarqānī 'ala Ṣaḥīḥ al-Muwaṭṭā' li Imām Mālik Ibn Anas*, jilid 4. Beirut: Dār al-Fikr, hal.167

⁴⁵ al-Syawkānī, *op.cit*, jilid 7, hal.144

⁴⁶ Sayyid Sābiq, *op.cit*, hal.395. Lihat juga dalam Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal.331-332. Lihat juga dalam al-Syarbīnī, *op.cit*, hal.248 , dan lihat juga dalam al-Syawkānī, *op.cit*.hal.319

bukannya hukuman ḥadd. Antara sandaran hujjah mereka ialah riwayat daripada Ibn Abbās r.‘a :

إِنَّ النَّبِيًّا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَقُتُّ فِي
الْخَمْرِ حَدًّا⁴⁷

Maksudnya:

“Sesungguhnya nabi tidak pernah menetukan bagi kesalahan minum arak dengan ketentuan (ḥadd) yang tertentu”

Pakar perundangan Islam masa kini iaitu Muḥammad Salīm el-‘Awwā’ mentarjihkan pandangan ulama yang tersebut di atas termasuklah Ibn Taimiyah dan Ibn Farḥūn. Beliau menyimpulkan bahawa hukuman ke atas pesalah minum arak ialah takzir yang bertujuan mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan. Ini melihatkan tindakan Saidina ‘Umar sendiri yang telah mengadakan perbincangan dengan para sahabat tentang hukuman ke atas peminum arak apabila mendapati perbuatan itu berluasa dalam masyarakat. Akhirnya beliau memutuskan untuk mengenakan 80 sebatan dengan sandaran-sandaran hujjah yang tertentu. Sekiranya terdapat satu ketetapan yang nyata mustahil sahabat Nabi s.‘a.w melangkahi ketetapan tersebut.⁴⁸

Daripada berbagai pandangan fukaha itu tadi dapat disimpulkan bahawa hukuman ḥadd bagi kesalahan minum arak termasuk dalam hudud yang tidak disepakati di kalangan fukaha⁴⁹. Manakala ijmak telah berlaku tentang hukuman sebat bagi jenayah minum arak. Khilaf pula berlaku dalam masalah menentukan jumlah

⁴⁷ Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy‘ath al-Syajastāni al-Azdi (1988), *Sunan Abi Dawud*, hadith no. 4476: Bab hudud, jilid 4. Beirut: Dār al-Jayl, hal.161

⁴⁸ Muḥammad Salīm el-‘Awwā’ (Dr.) (1983), *op.cit*, hal.144-146.

⁴⁹ Lihat penjelasan tentang pembahagian hudud menurut para fukaha dalam Abd al-Rahmān al-Jazīri, *op.cit* , hal.8-9.

sebatan yang tertentu. Dari sudut praktikal Rasulullah semasa hayat baginda s.'a.w juga didapati, adakalanya baginda mengenakan hukuman sebat sahaja kepada pesalah minum arak. Dalam situasi yang lain pula adakalanya baginda mengenakan hukuman tambahan yang lain selain daripada sebat. Ia menunjukkan adakalanya Rasulullah s.'a.w memberatkan hukuman dan pada ketika yang lain tidak memberatkan bahkan melarang para sahabat daripada memberatkan beban hukuman ke atas penjenayah itu. Dalam satu riwayat yang sahif Rasulullah s.'a.w mencela dan memerintahkan sahabat supaya mencela pesalah minum arak selepas disebat. Baginda juga pernah melontar pasir ke muka peminum arak selepas menyebatnya. Dalam satu peristiwa yang lain pula nabi melarang sahabat mencela orang yang telah dihukum sebat. Peristiwa-peristiwa ini menunjukkan Rasulullah s.'a.w sendiri mengenakan hukuman yang berbeza mengikut kadar jenayah yang dilakukan dalam kesalahan minum arak itu sendiri.⁵⁰

1.3.2 Sebat bagi Kesalahan Takzir

i. Skop Hukuman Sebat bagi Takzir

Menurut al-Māwardī, terdapat pelbagai kesalahan takzir yang boleh dikenakan hukuman sebat. Antaranya ialah jenayah zina seperti melakukan hubungan seks dengan hamba yang dikongsi pemilikannya, dengan hamba yang telah berkahwin, dengan hamba kepada anak sendiri, serta melakukan hubungan seks dengan mayat. Diriwayatkan bahawa hukuman bagi kesalahan-kesalahan ini ialah sebanyak seratus kali sebat. Selain dari itu sebat juga boleh dikenakan kepada :

⁵⁰ Muhammad Salim el-Awwa (Dr.), *op.cit*, hal.140.

kesalahan mencuri yang tidak sampai kepada hukuman hadd seperti tidak cukup nisab dan sebagainya atau mencuri harta orang lain yang tidak disimpan ditempat jagaan dan cubaan untuk mencuri.⁵¹

Menurut al-Kāsānī al-Hanafī, hukuman sebat adalah hukuman yang wajib sekiranya jenayah tersebut merupakan jenayah hudud tetapi, tidak menepati syarat-syarat untuk dikenakan hukuman . Sekiranya ia bukan daripada jenayah hudud maka terpulang kepada pemerintah untuk melaksanakan apa-apa hukuman yang difikirkan sesuai dengan kesalahan tersebut termasuklah sebat dan lain-lain lagi.⁵²

Terdapat banyak riwayat yang menunjukkan wujudnya perlaksanaan hukum sebat bagi kesalahan takzir semenjak abad pertama pemerintahan Islam lagi. Rasulullah s.a.w sendiri telah mengenakan hukuman sebat sebanyak seratus kali kepada seorang lelaki yang telah berzina dengan hamba isterinya dengan kebenaran si isteri.⁵³ Di samping itu hukuman sebat juga pernah dikenakan kepada pencuri yang tidak mencukupi syarat untuk menerima hukuman hadd. Khalifah Umar al-Khaṭṭāb juga pernah menyebat Ma'an Ibn Zā'ida kerana beberapa kesalahan takzir yang dilakukannya sebanyak seratus kali. Antaranya ialah mengambil harta baitulmal, serta memalsukan surat serta cop mohor khalifah.⁵⁴ Beliau juga telah menyebat Dubā'i Ibn Aṣal kerana melakukan bid'ah dengan kadar yang melebihi hukuman ḥadd. Beliau dan Abū Bakar juga diriwayatkan telah memerintahkan lelaki dan wanita yang ditemui dalam satu

⁵¹ al-Mawardi (1973) *op.cit.*, hal.237

⁵² al-Kāsānī (tanpa tarikh) *al-Badā'i al-Ṣanā'i*, jilid 9. Kaherah: Maṭba'ah al-Imām, hal.4220.

⁵³ al-Shawkānī, *op.cit.*, hal 290

⁵⁴ Wahbah al-Zuhaylī (Dr.) , *op.cit.*, hal.207.

selimut dikenakan takzir seratus kali sebat. Saidina 'Alī Bin Abī Ṭālib menyebat al-Najāsyī yang minum hingga mabuk pada bulan Ramadan sebanyak 80 kali sebagai ḥadd minum arak kemudian ditambah lagi sebanyak 20 kali sebagai takzir kerana tidak berpuasa. Saidina 'Alī juga mengenakan hukuman 98 sebatan kepada seoarang lelaki yang didapati tidur bersama seorang wanita tanpa melakukan zina.⁵⁵

Daripada perbincangan di atas dapat difahami bahawa hukuman sebat bagi kesalahan takzir boleh dijadikan sebagai hukuman utama terutama dalam kes kesalahan hudud yang tidak mencukupi syarat ḥadd atau sebagai hukuman alternatif bagi kesalahan-kesalahan lain. Walau bagaimana pun selagi ia termasuk dalam kategori takzir, selama itulah ia merupakan bidangkuasa budi bicara pemerintah untuk menetukan bentuk hukumannya berdasarkan berat atau ringannya jenayah tersebut disamping berbagai faktor lain yang boleh diambil kira berdasarkan kepentingan awam dari semasa ke semasa.

ii Bilangan Sebatan bagi Takzir

Berkenaan dengan bilangan sebat bagi kesalahan takzir terdapat beberapa pandangan berbeza di kalangan fukaha. Pendapat yang masyhur daripada Imām Mālik ialah ianya merupakan budi bicara pemerintah. Tidak ada had maksimum yang tertentu. Bilangan sebatan juga boleh melebihi 100 kali atau melebihi hukuman ḥadd itu sendiri.⁵⁶

⁵⁵ Ibn Qudāmah , *op.cit*. hal.325. Lihat juga dalam Ibn Taimiyyah .*op.cit* ,hal.84,dan lihat juga dalam Wahbah al-Zuhaylī (Dr.) , *ibid* , hal.207.

⁵⁶ Ibn Qudāmah , *op.cit*. hal.325, Ibn Farḥūn (1958), *Tabṣīrāt al-Hukkām*, jilid 2. Kaherah : Maktabah Muṣṭafā al-Halabiyy, hal.221.

Imām Abū Ḥanīfah dan Muḥammad al-Ḥasan berpendapat bilangan maksimum sebat bagi takzir ialah sebanyak 39 kali. Abū Yūsuf pula berpendapat bilangan sebatan itu tidak boleh melebihi 75 kali.⁵⁷ Pendapat ini di sandarkan kepada Hadith nabi s.‘a.w:

مَنْ يَلْعَجْ حَدًّا فِيْ غَيْرِ حَدٍ فَهُوَ مِنَ الْمُعْتَدِلِينَ⁵⁸

Maksudnya:

“Barang siapa yang mengenakan hukuman ḥadd bagi kesalahan selain daripada hudud dia adalah orang yang melampai batas”

Hadith ini diterima oleh kebanyakan mazhab kecuali mazhab Mālikī sahaja yang berpendapat hadith ini mansukh.⁵⁹ Golongan yang menerima hadith ini pula terbahagi kepada dua iaitu pertama mereka yang menisbahkan kadar maksima hudud ialah bagi hamba sebanyak 40 kali. Pendapat yang kedua ialah mereka yang menisbahkannya kepada orang merdeka menjadikan jumlahnya ialah 80.⁶⁰ Mazhab Syāfi‘ī pula ada tiga pendapat . Pertama pendapat yang sama dengan Imām Abū Ḥanīfah sendiri iaitu tidak boleh lebih 39 sebatan. Kedua pendapat yang sama dengan Abū Yūsuf dan pendapat ke tiga mengatakan boleh melebihi 75 kali tetapi dengan syarat jangan sampai 100 kali. al-Syāfi‘ī juga berpendapat hukuman takzir bagi muqaddimah zina hendaklah kurang daripada ḥadd zina tetapi harus melebihi ḥadd qadhf.⁶¹

⁵⁷ Ibn al-Humām (1970), *Syarḥ Fath al-Qadir*, jilid 5. Mesir : Makatabah wa Maṭba ah Muṣṭafā al-Halabiyy, hal. 348.

⁵⁸ Abi Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn Ibn ‘Ali al-Bayhāqī (tanpa tarikh), *al-Sunan al-Kubrā*, jilid 8. Beirut: Dār al-Fikr, hal.327.

⁵⁹ Abd al-Qādir Awdah , *op.cit* ,hal .692.

⁶⁰ Abd al-Qādir Awdah ,*ibid* , hal.693-693.

⁶¹ Abd al-Qādir Awdah *ibid* , hal. 690-692.Lihat juga dalam al-Syīrāzī (tanpa tarikh), *al-Muḥadhdhab*, jilid 2. Mesir: Maktabah wa Maṭba ah Muṣṭafā al-Halabiyy, hal.288. Lihat juga dalam al-Māwardī, *op.cit* ,hal.236.

Manakala dalam mazhab Ḥanbali ada tiga pendapat yang sama dengan al-Syāfi'i serta dua pendapat lain yang berbeza iaitu pertama tidak boleh lebih daripada hukuman hudud bagi jenayah berkenaan. Misalnya kesalahan qadhaf selain daripada zina tidak boleh melebihi ḥadd qadhaf itu sendiri. Keduanya ialah hukuman sebat bagi kesalahan takzir tidak boleh melebihi 10 sebatan.⁶² Pendapat yang kedua ini berdasarkan Hadith nabi s. a.w:

لَا يُحَلِّدْ فَوْقَ عَشْرِ جَلَدَاتٍ إِلَّا فِي حَدِّ مِنْ حَدُودِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ⁶³

Maksudnya:

“Tidak harus seseorang itu merotan lebih daripada 10 kali kecuali dalam kes hudud yang telah ditetapkan Allah”

Hadith ini turut ditolak oleh fukaha kecuali sebahagian daripada mazhab Hanbali atas alasan ia telah dimansuhkan serta terhad pada zaman nabi sahaja.⁶⁴ Manakala had minima bagi takzir mengikut pandangan sesetengah fukaha ialah sebanyak tiga sebatan. Menurut pandangan ini kadar tersebut adalah paling minima yang boleh memberi pengajaran serta kesan pencegahan kepada pesalah. Namun menurut fukaha mazhab Maliki dan lain-lain, tiada had minima bagi takzir kerana kesan pencegahan berbeza antara seorang dengan seorang yang lain bagi berbagai bentuk kesalahan yang berbeza. Jadi terserah kepada kebijaksanaan pemerintah untuk menentukannya berdasarkan faktor-faktor yang boleh diambil kira mengenai diri pesalah serta jenis kesalahan yang mereka lakukan.⁶⁵

⁶² Ibn Qudāmah, , *op.cit*, hal.176, Ibn Ḥazm, ,*op.cit*, hal.402.

⁶³ Abī Dāwūd Sulaymān ibn al-Asy'ath al-Sajastāni al-Azdī (t.t), Sunan Abī Dāwūd, jilid 4, kitab hudud, hadith 4491. Lihat juga dalam Ibn Mājah (2000), Sunan Ibn Mājah, hadis 2699. Kaherah: Thesaurus Islamicus Foundation, hal.377.Lihat juga dalam al-Bayhāqi , Abū Bakr Ahmad ibn al- Ḥusain ibn 'Alī (tanpa tarikh) , *al-Sunan al-Kubrā*, jilid 8. Beirut : Dār al-Fikr, hal.327

⁶⁴ Abd al-Qādir 'Awdaḥ, *op.cit*, hal. 692.

⁶⁵ Ibn al-Humām, *op.cit*, hal.349.

Berkenaan dengan sifat sebatan bagi kes takzir dan hudud, menurut Mazhab Ḥanbali, sebatan bagi kes zina hendaklah paling kuat, diikuti dengan qadhad, minum arak dan paling ringan ialah bagi kes takzir. Manakala bagi pendapat Imām Mālik, sifat sebatan adalah sama bagi semua kes kerana Allah menyebutnya dengan satu perintah serta satu tujuan iaitu untuk mencegah berlaku berlaku jenayah. Lantaran itu sifat sebatan juga mesti sama dari segi kuat atau ringan.⁶⁶ Bagi Abū Ḥanīfah pula, sebatan bagi takzir adalah yang paling kuat, seterusnya zina, minum arak dan qadhad. Ini kerana bagi mazhab Ḥanafī, bilangan sebatan bagi takzir adalah lebih sedikit bilangannya berbanding hudud, jadi tidak wajar ia diringankan lagi pada sifat sebatan supaya tidak luput tujuan sebat tersebut.⁶⁷

Dari segi pelaksanaan pula terdapat perbezaan yang jelas antara hudud dan takzir. Peruntukan sebat dalam hudud adalah bersifat mandatori dan wajib dilaksanakan kepada semua mereka yang terlibat dengan jenayah terbabit tanpa mengira kedudukan mereka dalam masyarakat. Tetapi bagi kes takzir sebat bukanlah sesuatu yang wajib kepada semua pesalah takzir. Menurut al-Māwardī, pelaksanaan takzir boleh berbeza mengikut perbezaan orang yang melakukan kesalahan tersebut. Hujjahnya berdasarkan Hadith nabi s.a.w yang berbunyi :

أَقِبْلُوا ذُرِيَّ الْهَيَّاتِ عَشَرَ آتِهِمُ الْأَخْنَوْدٌ⁶⁸

Maksudnya:

“Ringankanlah bagi orang-orang yang mempunyai kemuliaan itu seksaan mereka”

⁶⁶ Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal. 130.

⁶⁷ Ibn al-Humām, *op.cit*, hal. 351, lihat juga dalam al-Kasānī, *op.cit*, hal. 4221.

⁶⁸ Abū Dāwūd (1988), *op.cit*, hadith no. 4375, hal.131.

Rasionalnya di sini ialah orang yang tinggi kemuliaannya cukup ditegah dengan kata-kata yang lemah lembut, begitulah seterusnya mengikut peringkat-peringkat manusia itu sendiri. Hukuman ke atas mereka juga memberi implikasi maruah yang lebih besar di mata masyarakat. Sedangkan bagi golongan yang kurang kemuliaan atau tiada kedudukan yang tertentu dalam masyarakatnya pula mungkin pencegahan hanya boleh didapati dengan cara yang lebih keras dan hukuman ke atas mereka ini pula tidak memberi implikasi maruah yang besar berbanding dengan Dhawi al-hay'at tadi.⁶⁹

Begitu juga pendapat Imām Mālik, takzir diringankan bagi mereka yang lebih tinggi kedudukannya serta tersilap melakukan sesuatu yang salah disisi undang-undang.⁷⁰ Imām Abū Ḥanīfah membahagikan takzir mengikut martabat manusia itu sendiri. Beliau membahagikan manusia kepada beberapa peringkat iaitu golongan yang paling mulia terdiri daripada para ulama serta mereka yang berpengetahuan tinggi adalah dengan diingatkan tentang perbuatan silapnya oleh ketua atau wakilnya, takzir golongan mulia seperti pemerintah, ketua kampung dan sebagainya ialah dengan dimaklumkan tentang kesalahan serta dibawa ke muka pengadilan. Bagi golongan pertengahan bolehlah di maklumkan tentang kesalahannya, dibawa ke muka pengadilan dan boleh dikenakan hukuman penjara. Hukuman takzir bagi golongan yang hina dan keji dengan maksiat pula ialah sebat. Walau bagaimana pun penafsiran perkataan "yang mempunyai kedudukan" itu perlu dibuat dengan teliti dan cermat. Para fukaha mengkhususkannya kepada mereka yang berilmu tinggi, beramal dengan al-

⁶⁹ al-Māwardī, *op.cit*, hal.236.

⁷⁰ Abū al-Mu'āti Ḥāfiẓ Abū al- Futuḥ (1976), *al-Nizām al-Iqāb al-Islāmi*.Dirāsat al-Muqāranah. Tempat :? Muassasah Dār al-Ta'awun , hal. 490-491

Quran serta menjaga adab-adab Islam, bukan dinilai dari sudut harta, pangkat dan darjat.⁷¹

1.4 HUKUMAN SEBAT DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

1.4.1 Undang-Undang Jenayah Sivil

Di Malaysia peruntukan hukuman sebat di bawah undang-undang jenayah sivil termaktub dalam beberapa statut. Antaranya yang mengandungi paling banyak seksyen memperuntukkan sebat ialah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Selain itu hukuman sebat juga terdapat peruntukannya dalam Akta Senjata 1960 [Akta 206], Akta Senjataapi (Penalti Lebih Berat) 1971[Akta 37], Akta Dadah Merbahaya 1952 [Akta 234], Akta Memperbaharui Undang-Undang(Penghapusan Samsu Gelap), 1976 [Akta 165] , Akta Pencolekan 1961 [Akta 365]. dan Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]. Hukuman sebat juga boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta Penjara 1995 [Akta 325]. Statut-statut ini merupakan sebahagian besar daripada statut-statut yang mengandungi hukuman sebat. Ia digunakan secara selaras bagi seluruh negeri-negeri di Malaysia. Selain daripada yang disebutkan di atas kajian mendapati hukuman sebat sudah menjadi semakin banyak terdapat dalam statut-statut di Malaysia. Misalannya perkembangan mutakhir yang berlaku dalam negara iaitu sekitar tahun 2000 hingga 2003 . Sebagai reaksi kerajaan terhadap berbagai isu serta kes-kes seperti sumbang mahram, pendatang tanpa izin dan sebagainya, hukuman sebat telah dilihat sebagai salah satu daripada hukuman yang sewajarnya dikenakan kepada mereka. Laporan akhbar “The Star” misalnya menyebut

⁷¹ *Ibid.*, hal. 490-491

mengenai cadangan supaya kesalahan sumbang mahram didefinisikan secara berasingan daripada kesalahan rogol serta dikenakan hukuman yang lebih berat termasuklah sebat mandatori.⁷² Ini paling ketara sekali menunjukkan hukuman sebat lebih menggerunkan penjenayah berbanding dengan hukuman penjara atau denda. Kecenderungan ini juga seolah-olah menggambarkan bahawa hukuman sebat dianggap sebagai satu hukuman yang berat bagi kesalahan-kesalahan yang berat juga. Garis panduan mengenai tatacara perlaksanaan hukuman sebat tertakluk kepada beberapa peraturan bertulis yang ada iaitu Kanun Prosedur Jenayah, Akta Penjara 1995 [Akta 325] dan Peraturan-Peraturan Penjara 2000 . Selain daripada itu peraturan semasa menjalankan hukuman sebat rotan kepada para banduan tertakluk kepada arahan-arahan surat pekeliling daripada Ibu pejabat Penjara Malaysia dari semasa ke semasa.⁷³

Hukuman sebat merupakan antara jenis hukuman yang pernah diterima pakai di kebanyakan negara di dunia termasuklah Amerika Syarikat dan England. Namun ia mula dihapuskan secara beransur-ansur di England pada kurun yang ke 19. Pada 1937 sebat hanya dilaksanakan ke atas kesalahan rompakan bersenjata yang disertai keganasan. Bagaimanapun ia akhirnya dihapuskan terus di England pada 1948 dengan adanya "Criminal Justice Act 1948" (dan di dalam Penjara) oleh "Criminal Justice Act 1967".⁷⁴ Penghapusan dibuat berdasarkan kajian yang menunjukkan hukuman ke atas tubuh badan "corporal punishment" tidak membawa kesan positif bagi menangani jenayah serta mencegah penjenayah dari

⁷² "Define Incest as Separate'Crime", The Star , 26.07.01

⁷³ Temu bual bersama TPP Mohd. Sabri Ismail di Ibu pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor pada 25.04.03, jam 11.00 pagi .

⁷⁴ P.J. Fitzgerald (1962), *Criminal Law and Punishment*. London: The Clarendon Press, hal.228.

terbabit semula.⁷⁵ Pakar-pakar perundangan barat melihat hukuman sebat sebagai terlalu kejam, menyakitkan, tidak berperi kemanusiaan dan menjatuhkan maruah seseorang pesalah. Ia tidak berupaya mencegah jenayah tetapi akan menyebabkan malu serta rasa dendam dan benci yang berpanjangan. Perasaan ini akan mendorong mereka melakukan lagi jenayah yang sama.⁷⁶ Jawapan para sarjana undang-undang Islam kepada tohmahan ini ialah perasaan takut dan benci kepada kekerasan hukuman sebat itulah sebenarnya merupakan aspek yang hendak dicapai supaya dapat menggerunkan penjenayah-penjenayah untuk melakukan jenayah terbabit. Manakala soal menghormati penjenayah dan menjaga maruah mereka pula tidak sepatutnya berbangkit kerana seseorang yang sanggup melakukan dengan sengaja menunjukkan dia tidak ada harga diri bahkan tidak menghormati dirinya sendiri dengan perlakuan terbabit.⁷⁷

Terdapat beberapa keadaan peruntukan sebat dalam undang-undang jenayah awam. Keadaan yang pertama ialah terdapat undang-undang tertentu yang menyebut bilangan sebatan maksima atau minima yang harus dikenakan. Sebagai contoh semua hukuman sebat dalam Kanun Keseksaan dinyatakan bilangan sebatan yang harus dikenakan pada kesalahan-kesalahan yang tertentu. Bagi yang tidak disebut, ia menjadi budi bicara hakim untuk menjatuhkan berapa bilangan sebatan yang paling sesuai bagi kesalahan yang dilakukan. Secara umumnya peruntukan hukuman sebat dalam Kanun Keseksaan dan lain-lain yang disebutkan di atas merupakan hukuman alternatif bagi beberapa hukuman dan terdapat juga statut-statut yang menjadikan peruntukan sebat sebagai hukuman mandatori dan kumulatif, bukan alternatif. Ini secara umum memperlihatkan bahawa beban

⁷⁵ *Ibid.* hal-228-230.

⁷⁶ Ḥussaynī Sulaymān Jād, (Dr.), *op.cit.*, hal. 155.

⁷⁷ Hussaini Sulayman Jad (Dr.) *op.cit.*, hal. 155.

penjenayah dalam Kanun Keseksaan lebih berat berbanding dalam undang-undang jenayah Islam. Berdasarkan statut-statut ini serta perbandingan dengan peruntukan yang terdapat dalam hukum jenayah Islam satu perkara yang paling jelas berbeza ialah dari segi bentuk-bentuk kesalahan yang disifatkan sebagai jenayah berat. Contohnya kesalahan zina merupakan satu kesalahan yang dianggap serius dalam hukum Islam sehingga mewajibkan sebat sebanyak 100 kali apabila terbukti bersalah. Namun tidak terdapat mana-mana statut dalam undang-undang jenayah sivil yang mengkategorikan zina sebagai satu kesalahan. Ini menunjukkan selisih penilaian jenayah berat yang ketara amat ketara antara perspektif undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah awam itu sendiri.

1.4.2 Undang-Undang Jenayah Syariah

Enakmen yang pertama diluluskan untuk mentadbir undang-undang Islam di Malaysia ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 . Dalam Enakmen tersebut telah menghadkan pemakaian undang-undang Islam hanya terhad kepada orang-orang Islam sahaja dalam bidang kekeluargaan, pewarisan, kesalahan-kesalahan matrimoni serta kesalahan-kesalahan takzir.⁷⁸ Manakala semua Enakmen-enakmen yang diluluskan di Malaysia selepas enakmen ini didapati sama dari segi kandungan dan pemakainya iaitu hanya terhad kepada orang-orang Islam. Segala peruntukan yang terkandung dalam Enakmen-enakmen tersebut sebenarnya berdasarkan kepada ketetapan yang terdapat dalam Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan iaitu Jadual ke Sembilan Senarai 2.

⁷⁸ Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman (Dato') (2001), *Perkembangan Terkini Mahkamah Syariah di Malaysia* dalam Abdul Monir Yaacob (penyunting). Sistem Kehakiman Islam. Kuala Lumpur : IKIM, hal. 56

Berdasarkan peruntukan tersebut Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa jenayah yang sangat kecil dan terbatas.

Hukuman sebat di dalam undang-undang jenayah syariah bermula pada 1985 apabila negeri Kelantan menggubal Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan.⁷⁹ Penggubalan tersebut telah merujuk kepada pindaan bidangkuasa jenayah yang terdapat dalam Akta Mahkamah Syariah (Pindaan bidangkuasa jenayah)1984.⁸⁰ Pindaan ini telah memberikan bidangkuasa jenayah yang lebih luas kepada Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan hukuman iaitu denda maksimum lima ribu ringgit, tiga tahun penjara serta enam sebatan. Selepas negeri Kelantan, negeri-negeri yang lain mula beransur-ansur memasukkan hukuman sebat ke dalam Akta/Enakmen jenayah syariah negeri masing-masing. Di antaranya ialah negeri Pahang, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Sabah, Pulau Pinang, Wilayah-Wilayah Persekutuan, Johor, Selangor dan negeri Terengganu. Akta/Enakmen tersebut ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982,⁸¹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka,⁸² Enakmen Jenayah (Syariah) Negeri Perak,⁸³ Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan),⁸⁴ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah,⁸⁵ Enakmen Jenayah Syariah

⁷⁹ No.2 tahun 1985

⁸⁰ Akta ini dinamakan sebagai Akta 612. Ia mula berkuatkuasa apabila diwartakan pada 31hb Disember 1984. Pindaan ini telah dibuat terhadap seksyen 2 Akta 23/1965. Sebelum pindaan dibuat bidang kuasa jenayah di Mahkamah syariah tertakluk kepada peruntukan yang ada dalam seksyen 2 Akta 23/1965 yang memperuntukkan bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak boleh dijalankan kecuali berhubung dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi 6 bulan atau apa-apa denda melebihi RM 1,000.

⁸¹ No.8 (Pindaan Tahun 1987)

⁸² No.6 Tahun 1991

⁸³ Bilangan 3 tahun 1992

⁸⁴ No. 4 tahun 1992

⁸⁵ No. 3 Tahun 1995

Negeri Pulau Pinang,⁸⁶ Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997,⁸⁷ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor,⁸⁸ Enakmen Jenayah (Syariah) Negeri Selangor⁸⁹ dan yang terkini ialah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu.⁹⁰ Selain daripada memasukkan peruntukan hukuman sebat bagi kesalahan akidah dan kesalahan-kesalahan moral seperti mukaddimah zina, minum arak, sumbang mahram, melacur dan lain-lain,⁹¹ kadar denda juga telah dinaikkan daripada maksima satu ribu kepada tiga hingga lima ribu ringgit. Hukuman penjara pula boleh sampai kepada tiga tahun berbanding dengan peruntukan lama yang hanya memberikan bidangkuasa menjatuhkan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan sahaja. Kebanyakan peruntukan di bawah Akta/Enakmen Jenayah Syariah memasukkan hukuman sebat sebagai hukuman kumulatif dan juga alternatif antara hukuman denda dan penjara. Ini bererti peruntukan hukuman terhadap kes-kes moral dan akidah dalam undang-undang jenayah syariah telah menjadi semakin berat iaitu daripada hanya hukuman denda dan penjara kepada hukuman denda, penjara dan sebat maksima enam kali. Pembaharuan ini adalah sangat baik dilihat dari sudut meningkatkan martabat undang-undang syariah dan institusi kehakiman Islam di negara ini. Tiga buah negeri yang lain iaitu negeri Kedah, Perlis dan Sarawak belum lagi memasukkan peruntukan hukuman sebat ke dalam undang-undang jenayah syariah masing-masing. Walau bagaimana pun ada juga negeri yang telah

⁸⁶ Bil.4 Tahun 1996. enakmen ini merupakan salah satu daripada enakmen yang lahir daripada enakmen induk iaitu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Pulau Pinang 1993 yang menggantikan Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam tahun 1959.

⁸⁷ Akta 559

⁸⁸ No.4 Tahun 1997

⁸⁹ No.9 Tahun 1995

⁹⁰ Bil. 7 Tahun 2001

⁹¹ Infra, bab 3, hal. 86

memasukkan hukuman sebat di dalam undang-undang jenayah syariah mereka, tetapi belum dikuatkuasakan lagi. Salah satu daripadanya ialah negeri Sarawak.⁹²

Dari segi penguatkuasaan pula, sehingga kajian ini dibuat hanya negeri Kelantan sahaja yang pernah menjatuhki hukuman sebat di bawah Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Manakala kebanyakan negeri yang lain masih dalam proses mengkaji satu kaedah perlaksanaan hukuman sebat secara syarak. Senario ini menjelaskan mengenai ketidakselarasan undang-undang jenayah syariah yang amat nyata di antara negeri-negeri di Malaysia yang perlu di beri perhatian ke arah yang lebih baik dan selaras.

1.5 OBJEKTIF HUKUMAN SEBAT MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH

Kitab suci al-Quran dan juga al-Hadith tidak menyebut secara terang-terangant matlamat atau objektif sesuatu hukuman atau pembalasan yang dikenakan bagi kesalahan perlanggaran terhadap hukum-hakam Allah s.w.t seperti kesalahan-kesalahan hudud itu sendiri. Sebaliknya objektif-objektif tersebut dapat kita kenali secara tersirat apabila mengkaji tentang ayat-ayat Allah s.w.t seperti mana yang disarankan oleh Allah kepada golongan ulil albāb , ulil abṣār serta mereka yang berakal dalam ertikata yang sebenar-benarnya. Atas dasar inilah para ulama Islam cuba menggarap beberapa objektif tertentu yang ingin dicapai daripada hukuman-hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah Islam. Ibn

⁹² Menurut Pendaftar mahkamah Syariah Sarawak iaitu Ustaz A. Suhaili bin Ledi dalam satu temu bual dengan beliau melalui telefon pada 8.08.03, undang-undang jenayah Syariah yang dikuatkuasakan di Sarawak buat masa ini ialah Ordinan Kanun Jenayah Syariah tahun 1991. Dalam Ordinan tersebut belum dimasukkan peruntukan sebat. Menurut beliau Sarawak telah menjadi negeri yang pertama menerima undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Raja-Raja tahun 2000 apabila meluluskan undang-undang jenayah syariah tahun 2001. Walau bagaimana pun undang-undang tersebut masih belum berkuatkuasa.

Qayyim al-Jawziyyah telah menulis secara terperinci tentang tujuan serta falsafah hukuman dalam Islam.⁹³ Manakala kebanyakan fukaha lain walaupun ada juga membincangkannya tetapi tidak secara khusus.

Bentuk hukuman bagi kesalahan-kesalahan hudud adalah bersumberkan syariat sepenuhnya. Wahyu pula merupakan sumber utama perundangan Islam yang diturunkan oleh pencipta kepada seluruh alam. Oleh kerana Allah menciptakan manusia untuk dua kehidupan iaitu dunia dan akhirat, maka tujuan kepada setiap hukuman dalam Islam bukan sahaja untuk kebaikan di dunia tetapi juga untuk kebaikan di akhirat.⁹⁴ Menurut Ibn Qayyim, manusia adalah makhluk yang diciptakan Allah serta berada di bawah penguasaan Allah. Allah membekalkan manusia dengan akal serta hawa nafsu. Antara akal dan nafsu yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia, kedua-duanya mempunyai peranan penting dalam kehidupan mereka. Akan tetapi terdapat sebilangan manusia di mana nafsu menguasai akal fikiran . Dalam keadaan ini akal telah tidak dapat lagi berfungsi untuk meningkatkan mutu kehidupan manusia serta mengangkat martabat kemuliaan insan itu sendiri. Ekorannya manusia akan hilang pertimbangan serta sewenang-wenangnya melanggar larangan Allah, meninggalkan suruhanNya bahkan mungkin akan mencabul hak orang lain.⁹⁵

Lantaran itu Allah telah memperuntukkan berbagai bentuk hukuman bagi kesalahan-kesalahan berat yang mengganggu kepentingan berakidah, kehidupan, kehidupan berkeluarga dan berketurunan serta akal fikiran. Hukuman tersebut

⁹³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1968), *I'lām al-Muwaqqi 'īn*, jilid 2, Mesir : Maktabah al-Kulliyat al-Azharīyyah, hal. 112.

⁹⁴ Abū al-Mu'āti Hafīz Abū al-Futūḥ, *op.cit*, hal.111-113.

⁹⁵ Hashim Mehat, *op.cit*, hal. 24.

ialah hukuman mati, potong tangan, salib, rejam, sebat dan penjara dan lain-lain. Semua bentuk hukuman ini bertujuan untuk pencegahan serta pemulihan. Hukuman-hukuman inilah yang dianggap kejam serta melampau (*barbaric sentences*) oleh kebanyakan orang hari ini. Tohmahan ini timbul kerana mereka tidak dapat memahami dengan jelas tentang undang-undang jenayah Islam dan falsafah serta hikmah di sebalik setiap hukuman yang ditetapkan.⁹⁶

Asas kepada segala hukuman yang ditetapkan oleh Islam ialah untuk menjaga kepentingan awam. Ini diistilahkan oleh al-Ghazālī sebagai "al-Himāyah al-Maṣlaḥah al-Āmmah".⁹⁷ Walau pun bertujuan untuk menjaga kepentingan awam, ia bukan bermakna mengabaikan kepentingan individu. Sebaliknya kedua-dua kepentingan tadi saling berkaitan antara satu sama lain. Begitu juga apabila hukuman itu bertujuan untuk mencapai maslahah, sekaligus ia juga menolak kerosakan. Bahkan kaedah usul fiqh ada menyebut menolak kerosakan lebih utama daripada mendapatkan maslahah.⁹⁸ Hukuman sebat juga merupakan salah satu keseksaan yang ditentukan oleh Islam bagi beberapa jenayah seperti jenayah zina, qadhab serta minum arak. Secara umum keseksaan-keseksaan yang ditentukan oleh Islam bertujuan untuk memberikan pembalasan, pencegahan, pemulihan serta kaffārah dosa mengikut pandangan sesetengah fukaha. Dengan itu justifikasi kepada hukuman sebat juga tidak dapat terpisah daripada tujuan-tujuan umum tersebut. Ia bersifat saling berkaitan antara satu sama lain.

⁹⁶ *Ibid*, hal. 25.

⁹⁷ *Ibid*, hal 27.

⁹⁸ Ibn Nujaym al-Hanafi, Zayn al-Din Ibn Ibrāhīm (1986), *al-Ashbah wa al-Naẓā'ir*, Damsyiq : Dar al-Fikr, hal.99

Teori hukuman terhadap penjenayah dari perspektif barat agak berbeza sedikit dengan Islam. Tidak semua sarjana barat bersetuju bahawa hukuman adalah patut dikenakan ke atas penjenayah. Golongan humanitarian misalnya berpegang kepada pendapat bahawa penjenayah adalah merupakan orang sakit atau orang yang mempunyai masalah samada dalaman atau luaran. Bagi golongan ini seseorang yang normal tidak mungkin melakukan sesuatu yang boleh dianggap jenayah atau pencerobohan terhadap undang-undang, melainkan kerana terdapatnya faktor-faktor dalaman atau luaran yang mendorong mereka bertindak sedemikian. Kesimpulannya golongan humanitarian barat berpendapat penjenayah tidak sewajarnya dihukum sebaliknya diberi pemulihan yang sesuai (curative-rehabilitative treatment). Tindakan menghukum penjenayah adalah ibarat memberi minum racun kepada pesakit yang meminta ubat. Bagi golongan ini menjatuhki hukuman mati ke atas seseorang yang bersalah melakukan pembunuhan tidak lebih dari sekadar menambah bilangan kematian terhadap kematian yang sedia ada.⁹⁹ Sekiranya kita berpegang kepada pandangan ini, ia bermakna kita sentiasa membiarkan para penjenayah terlepas daripada hukuman dan meletakkan bebanan jenayah yang mereka lakukan kepada faktor-faktor persekitaran dan sebagainya lagi. Pandangan ini juga dilihat hanya mengambil kira kepentingan terhadap diri penjenayah itu sendiri berbanding dengan kepentingan masyarakat awam yang lebih besar. Jika idea ini diterima pakai secara menyeluruh tidak mustahil jenayah akan lebih berleluasa dan kepentingan awam akan tergugat.

:

⁹⁹ Hashim Mehat (1991), *op.cit*, hal. 9-10

Selain dari teori yang dikemukakan oleh golongan humanitarian tadi, kebanyakan sarjana perundangan bersetuju bahawa suatu hukuman tertentu patut dikenakan ke atas mereka yang telah terbukti melakukan sesuatu jenayah. Prasyaratnya ialah pihak pengadilan berjaya membuktikan bahawa terdapatnya niat jahat dalam tindakan tersebut. mereka juga boleh menerima pendapat golongan pertama tadi, iaitu sekiranya seseorang itu melakukan sesuatu kesalahan tanpa niat jahat atau disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang memaksanya melakukan perbuatan tersebut, maka bebanan hukumannya di sisi undang-undang juga akan berkurangan kerana peruntukan tersebut sememangnya terdapat dalam undang-undang jenayah. Manakala melepaskan penjenayah dari hukuman atas alasan mereka merupakan orang yang sakit adalah tidak boleh diterima sama sekali di sisi undang-undang.¹⁰⁰ Ini kerana setiap hukuman yang dikenakan dalam undang-undang jenayah sivil juga mempunyai objektifnya yang tersendiri.

Menurut Rupert Cross, secara umumnya sesuatu hukuman diperuntukkan bagi sesuatu kesalahan kerana ingin mencapai dua objektif utama iaitu untuk mengurangkan penglibatan masyarakat dengan perbuatan jenayah dan juga untuk meningkatkan tahap kepatuhan masyarakat terhadap undang-undang negara.¹⁰¹ Secara umumnya didapati objektif hukuman sebat dalam undang-undang jenayah awam juga meliputi pembalasan, pencegahan serta pemulihan.¹⁰²

¹⁰⁰ Ibid,hal.10

¹⁰¹ Sir Rupert Cross (1975), *The English Sentencing System*, 2nd edition. London: Butterworth, hal. 108.

¹⁰² Dalam undang-undang Inggeris, rasional pembalasan dari sesuatu hukuman dikatakan juga bersumberkan kitab Bible'contohnya dalam *Leviticus 24 : 17-22*. *The New English Bible*. Lihat keterangan ini dalam Janet Dine And James Gobert (1993), *Cases And Materials On Criminal Laws*, London : Black Stone Press Limited, hal.21-23. Lihat juga dalam P.J.Fitzgerald, *op.cit*, hal, 202-204

i. Pembalasan

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini perbuatan-perbuatan seperti zina, qadhaf serta minum arak adalah antara larangan-larangan keras oleh Allah s.w.t kepada manusia. Melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah adalah satu maksiat. Sekiranya maksiat itu telah ditetapkan bentuk hukuman dunia winya oleh Allah, ia dinamakan jenayah. Maka setiap penjenayah yang tertakluk kepada kesalahan-kesalahan tersebut samada hudud atau qisās diwajibkan menerima pembalasan atas kesalahan yang dilakukan itu. Sekiranya tiada hukuman tertentu yang ditentukan syarak, ia adalah termasuk dalam kategori takzir.

Tujuan pembalasan ini adalah untuk menjamin hak-hak dalam kehidupan manusia terpelihara di samping keadilan dapat ditegakkan. Unsur pembalasan sebagai tujuan hukuman ini diamati daripada firman Allah dalam surah al-Syūrā 42: 40 :

وَجَزِّوْا سَيْئَةً مِّثْلَهَا فَمَنْ عَفَّ وَآصْلَحَ
فَأَجْرَاهُ عَلَى الَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

Maksudnya:

“Dan (jika kamu hendak membalaaskan maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim..”

Dengan itu hukuman sebat bagi kesalahan-kesalahan hudud ialah sebagai balasan atas keingkaran mereka, terhadap segala batas-batas dan larangan Allah Ta'ala. Mudah-mudahan hikmah daripada pembalasan tersebut dapat dirasai oleh seluruh

anggota masyarakat yang lain. Aspek keadilan dalam pembalasan ini tidak boleh diukur antara kesetimpalan mutlak antara jenayah yang dilakukan dengan hukuman yang dikenakan. Ini kerana Islam melihat keadilan hukuman bukan hanya kepada penjenayah bagi jenayah yang dilakukannya tetapi juga kesan kepada masyarakat awam.

Pembalasan dalam undang-undang jenayah awam tidak sama dengan konsep pembalasan dalam undang-undang jenayah Islam. Ini kerana undang-undang jenayah awam menekankan unsur kesetimpalan dalam pembalasan atau hukuman bagi individu yang bersalah. Istilah hukuman itu sendiri secara umumnya didefinisikan sebagai mengenakan sesuatu kesusahan atau kesakitan oleh pihak yang berkuasa terhadap sesuatu kesalahan samada penderitaan itu melalui cara mengenakan hukuman fizikal, menyekat kebebasan bergerak, penjara dan sebagainya. Lantaran hukuman sebat dikategorikan sebagai satu bentuk hukuman berat, bagi kesalahan-kesalahan yang berat juga, maka hukuman sebat yang dikenakan mempunyai unsur keganasan sebagaimana yang disifatkan oleh kebanyakan orang bertujuan membala balik keganasan yang telah mereka lakukan terhadap orang lain. Manakala dalam Islam kesetimpalan bukan dikaji dari persepektif individu yang bersalah sahaja tetapi juga kepada anggota masyarakat yang lain.

ii. Pencegahan

Di samping pembalasan, hukuman sebat dalam Islam juga sangat signifikan bagi mencegah berleluasanya perbuatan jenayah terbabit dalam masyarakat. Hudud itu

sendiri telah ditafsirkan oleh al-Māwardī sebagai larangan-larangan yang ditentukan oleh Allah untuk mencegah daripada melakukan apa yang dilarang serta meninggalkan apa yang disuruh.¹⁰³ Apabila manusia istiqamah melakukan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya , maslahah akan lebih menyeluruh dan segala kewajipan akan lebih sempurna. Menurut Muhammad Muṣlehuddin, untuk mencegah berulangnya perlakuan jenayah, hukuman yang dikenakan mesti mengatasi kebaikan jenayah yang mungkin didapati oleh penjenayah. Dengan kata lain hukuman hendaklah lebih merupakan sesuatu yang menakutkan bagi penjenayah jika dibandingkan dengan kesalahan sebagai sesuatu yang diinginkannya. Hukuman yang tidak memberikan rasa serik kepada penjenayah jelas sekali bukan satu bentuk hukuman yang baik dan berkesan terutama sekali untuk menjaga kebaikan masyarakat.¹⁰⁴

Abū al-Mu'āti Ḥafīz Abū al-Futuḥ membahagikan aspek pencegahan kepada dua iaitu pencegahan am dan pencegahan khas.¹⁰⁵ Pencegahan am daripada hukuman sebat ialah unsur keseksaan fizikal yang boleh menggerunkan manusia untuk melakukan jenayah terbabit. Ia memberi pencegahan bagi mereka yang terdorong untuk melakukan kesalahan itu serta menyelamatkan masyarakatnya daripada kesan buruk perbuatan tadi.¹⁰⁶ Pencegahan am biasanya ditujukan kepada semua anggota masyarakat, bukan kepada individu tertentu. al-Māwardī pula menyebut tujuan hudud dan takzir ialah untuk mendidik, memulih dan mencegah seseorang daripada melakukan jenayah.¹⁰⁷

¹⁰³ al-Māwardī, *op.cit*, hal.221.

¹⁰⁴ Muhammad Muṣlehuddin (1992),*Jenayah dan Doktrin Islam dalam Tindakan Pencegahan* , Asiah Idris (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal40.

¹⁰⁵ Abū al-Mu'āti Ḥafīz Abū al-Futuḥ, *op. cit*, hal.125-128.

¹⁰⁶ *Ibid*, hal. 125.

¹⁰⁷ al-Māwardī, *op.cit*, hal.236.

Pencegahan khas pula ialah bertujuan merawat penjenayah, sedangkan pencegahan am tadi adalah ibarat mencegah jenayah sebelum berlaku. Bagi mereka yang tidak terkesan dengan peruntukan hukuman tersebut pula maka keseksaan yang dialami sebagai satu pengajaran untuk tidak mengulanginya lagi.¹⁰⁸ Jadi dalam konteks pencegahan khas ini terdapat serampang dua mata di mana ia sebagai satu balasan di samping satu bentuk pencegahan. Pencegahan khas ini menjadi satu keutamaan bagi hukuman sebat kerana hukuman ini tidak bertujuan untuk membinasakan penjenayah tetapi menyelamatkannya supaya dia kembali ke jalan yang direhui Allah sebagaimana yang disebut oleh al-Quran surah al-Zukhruf 43 :48 :

وَاحْذَنْتَهُمْ بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya:

“Dan Kami timpakan kepada mereka azab (seksaan dunia) supaya mereka kembali (iaitu ke jalan yang benar)”

Ia tidak sesuai bagi hukuman lain seperti hukuman rejam atau salib kerana hukuman tersebut lebih bersifat pembalasan serta pencegahan am kerana ia berakhir dengan kematian penjenayah. Ibn al-Humām juga ada menyebut dalam kitabnya bahawa hudud itu mencegah seseorang seseorang yang belum melakukan jenayah daripada melakukannya serta mencegah orang yang telah melakukannya daripada mengulangi lagi.¹⁰⁹ Walau bagaimana pun ia tidak bermakna hukuman sebat tidak perlu bagi kesalahan takzir.

Melihat justifikasi sebat secara khusus pula kita akan dapati ia tidak lari dari tujuan pencegahan samada secara am atau khas. Bagi jenayah zina hukuman

¹⁰⁸ Abū al-Mu'āfi Hafīz Abū al-Futuh, *op.cit*, hal. 128-129.

¹⁰⁹ Ibn al-Humām, *op.cit*, hal. 212.

sebat adalah penting sebagai asas utama yang menjadi faktor penghalang terhadap faktor pendorong ke arah melakukan perbuatan zina itu sendiri . Faktor penarik kepada zina ialah hawa nafsu yang bermaharaja lela dalam diri seseorang sehingga mengalahkan akal serta imannya. Jadi keseksaan sebat bagi jenayah zina ialah bertujuan menangkis nafsu jahat dalam diri seseorang supaya berpaling dari melakukan zina. Ia dapat menghilangkan bayangan keseronokan perbuatan zina dengan kengerian keseksaan yang merangkumi fizikal dan spiritual.¹¹⁰

Bagi kesalahan qadhaf, hukuman sebat juga dijadikan sebagai asas untuk memerangi gejala tersebut. Perbuatan qadhaf adalah satu perbuatan yang boleh menyebabkan penghinaan terhadap maruah si mangsa serta memberi kesan tekanan jiwa yang parah. Oleh kerana itu sebelum membuat sesuatu fitnah seseorang itu harus memikirkan bahawa dia juga tidak dapat lari dari pembalasan yang lebih dahsyat iaitu deraan fizikal serta juga penghinaan dari masyarakat seluruhnya. Ini kerana Islam membala orang yang menuduh zina tanpa membawa saksi dengan 80 kali sebatan di samping terlucutnya taraf adil bagi dirinya. Penjenayah juga digelar sebagai fasik. Jelas sekali bagi yang berfikir akan menegah diri mereka daripada perbuatan qadhaf kerana pembalasanya bukan hanya dalam bentuk penghinaan yang memberi kesan kepada jiwa tetapi juga hukuman sebat.¹¹¹

Begini juga bagi kesalahan minum arak. Perbuatan ini merupakan satu perbuatan yang dilarang oleh syarak. Rasulullah s.a.w menetapkan hukumannya juga adalah sebat. Antara faktor penarik kepada minum arak ialah kekosongan jiwa,

:

¹¹⁰ Abd al-Qadir Awadah, *op.cit*, hal. 636.

¹¹¹ Ibid. hal. 646.

dibebani dengan masalah, serta berbagai tekanan yang menghimpit jiwa seseorang. Arak pula sering dibayangkan dapat melupakan seseorang daripada segala permasalahan di sekeliling serta menyeronokkan kehidupan. Dalam pada itu syariat mengingatkan golongan ini supaya tidak terpengaruh dengan kegembiraan sementara yang dikecapi melalui arak dengan bentuk seksaan sebat bagi peminumnya. Oleh itu bagaimanakah seseorang itu boleh menghilangkan keresahan hidupnya dengan minum arak sedangkan kesannya dia bukan sahaja terus menghadapi deraan perasaan kerana masyarakat mengetahui akan sikap buruknya tetapi juga kesakitan tubuh badan akibat hukuman sebat.¹¹²

Sebat juga penting bagi kesalahan takzir. Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini, ia dibenarkan oleh Islam serta pernah dilakukan oleh Rasulullah s.'a.w serta para sahabat. Kepentingannya ialah untuk mencegah penjenayah daripada mengulangi serta membiasakan diri melakukan jenayah tersebut. Sebat juga dianggap paling sesuai dan praktikal bagi mencegah berlakunya kesalahan takzir yang berat. Ini kerana kesalahan takzir adalah amat banyak dan berlaku dalam berbagai bentuk. Sebabnya ialah hukuman sebat boleh dilaksanakan dengan segera kepada penjenayah. Ia juga tidak membebankan pemerintah dengan perbelanjaan yang banyak seperti hukuman penjara. Di samping itu hukuman sebat juga tidak akan menyekat produktiviti seseorang pesalah serta tidak menyekat hak peribadi mereka terhadap ahli keluarga dan sebagainya.¹¹³

¹¹² *Ibid.*, hal.650.

¹¹³ Hussayni Sulaymān Jād (Dr.) (1991), *al-'Uqūbah al-Badaniyyah fī al-Fiqh al-Islāmiyy*, Kaherah : Dar al-Syurūq, hal. 151.

Jika kita amati hukuman sebat bagi semua kesalahan di atas terutamanya hudud, amat penting dalam memberikan kesan pencegahan kepada mereka yang belum melakukan jenayah terbabit. Aspek pencegahan peringkat awal dan juga pencegahan daripada mengulangi kesalahan yang sama bagi kali yang kedua terdapat dalam hukuman sebat menurut hukum Islam kerana hukuman itu perlu dilaksanakan oleh penguasa di tempat terbuka supaya dapat disaksikan oleh orang ramai bagaimana hukuman itu di laksanakan supaya menjadi satu iktibar kepada anggota masyarakat yang lain.¹¹⁴ Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Nūr 24: 2 :

وَلِيُشْهَدْ عَنْهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

“Dan saksikanlah seksaan kedua-duanya oleh segolongan orang-orang yang beriman ...”

Ini berlainan sekali dengan hukuman sebat yang terdapat dalam undang-undang awam . Kesannya sukar dipastikan kerana hukuman hukuman itu lazimnya tidak dipersaksikan kepada anggota masyarakat yang lain.

Hukuman sebat seratus kali yang terdapat dalam Islam dianggap patut bagi mencapai matlamat pembalasan serta pencegahan mengikut kebanyakan fukaha dan pakar perundangan Islam. Namun berlainan pula dengan pandangan sebilangan kecil fukaha seperti Ibn Hazm daripada mazhab al-Zāhiri. Beliau tidak bersetuju dengan teori pencegahan berdasarkan bilangan sebatan yang dikenakan atau diwajibkan oleh syarak. Menurut beliau, tidak perlu dipersoalkan tentang apakah kepentingannya hukuman sebat atau hukuman hudud yang lain disyariatkan oleh Allahⁱ, kerana hanya Allah sahaja yang mengetahui tujuan

¹¹⁴ Muhammad Salim el-Awwa , *op.cit*, hal.75.

sebenar sesuatu hukuman ditetapkan. Tambah beliau lagi sekiranya untuk mencegah jenayah, maka sebatan 1000 kali lebih menakutkan dan lebih mampu mencegah berbanding dengan 100 kali.¹¹⁵

Apa yang jelas ialah pendapat Ibn Hazmn itu selaras dengan pegangan golongan Zāhiri itu sendiri yang hanya berpegang kepada zahir ayat al-Quran. Walau bagaimanapun menurut Imām al-Syātibiy hukuman-hukuman yang ditentukan Allah itu bukanlah tujuan utama bagi syarak, tetapi hanyalah sebagai satu wasilah untuk manusia mengimbangi antara hawa nafsu serta akal mereka sehingga tidak melanggar batas-batas Allah dan kembali ke jalan yang lurus. Berkenaan dengan pandangan Ibn Hazmn yang mengatakan seribu sebatan lebih mencegah daripada 100 atau 80 sebatan, menurut Abū al Mu'āti, ia bukan lagi untuk mencegah dalam suasana tersebut tetapi lebih kepada untuk membinasakan pesalah. Sedangkan syariat bertujuan membawa rahmat bukan kebinasaan kepada manusia.¹¹⁶

Aspek pencegahan juga merupakan salah satu daripada objektif hukuman sebat menurut undang-undang jenayah awam. Di bawah undang-undang ini, sesuatu hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah bertujuan untuk mencapai dua bentuk pencegahan iaitu mencegah penjenayah daripada mengulangi lagi perbuatan salah selepas dia sendiri mengalami keperitan hukuman yang diterima akibat daripada perbuatannya itu. Ini bererti hukuman itu bertujuan memberi keinsafan kepada pesalah . Selain itu ia juga bertujuan mencapai objektif pencegahan terhadap masyarakat awam yang lain iaitu dengan mencegah serta melindungi mereka agar tidak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang :

¹¹⁵ Abū al-Mu'āti Hāfiẓ Abū al-Futuh, *op.cit* hal.121.

¹¹⁶ *Ibid*, hal.122-123.

mencabul hak orang lain atau menyalahi undang-undang. Di sini kita dapat objektifnya hampir sama dengan objektif hukuman sebat dalam undang-undang jenayah Islam. Objektif ini akan tercapai apabila masyarakat mula menyedari bahawa setiap penjenayah tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang. Dalam hal ini Hashim Mehat ada memetik pendapat yang dikemukakan oleh Kant bahawa amat tidak wajar untuk menjatuhki hukuman ke atas seseorang demi untuk mencapai kebaikan bagi orang atau untuk kepentingan orang lain. Tetapi sesuatu hukuman hendaklah dikenakan hanya atas satu sebab sahaja iaitu kerana dia melakukan jenayah. Ini bererti Kant menolak objektif pencegahan serta kepentingan awam dalam hukuman.¹¹⁷ Walau bagaimana pun pandangan ini tidaklah mempengaruhi, kerana secara logiknya objektif pencegahan adalah sesuatu yang boleh dicapai sekiranya pelaksanaan itu dijalankan dengan cara yang baik dan berkesan. Menurut Fitzgerald, hukuman sebat mengandungi unsur pencegahan kerana ia boleh mendatangkan perasaan gerun serta takut terhadap seksaannya yang begitu dahsyat.¹¹⁸

Selain itu, objektif pencegahan juga sering dijadikan asas penghakiman dalam pengadilan. Contohnya dalam kes *Loh Hock Seng & Anor lwn Pendakwaraya*¹¹⁹ didapati hakim Mahkamah Rayuan telah meletakkan objektif pencegahan ini sebagai asas penghakiman. Kes ini merupakan kes rayuan ke atas suatu hukuman penjara seumur hidup serta sebatan sebanyak 14 kali ke atas perayu ke dua bagi kesalahan di bawah seksyen 39 B [1]. Beliau telah mengemukakan rayuan atas

¹¹⁷Hashim Mehat,*op.cit.*, hal.13.

¹¹⁸P.J Fitzgerald, *op.cit.*, hal. 204.

¹¹⁹[1980] 2 M.L.J, 13, [1979] M.L.J LEXIS, 316. Objektif ini juga telah menjadi asas penghakiman dalam kes *PP lwn Darmalingan*, [1987] M.L.J LEXIS 308 dan juga dalam kes *PP lwn Lee Tek Keong*, [1988] M.L.J LEXIS 825

hukuman itu dan pendakwaraya telah mengemukakan rayuan balas supaya hukuman penjara seumur hidup sebat diganti dengan hukuman mati madatori. Selepas rayuan didengar, mahkamah memutuskan bahawa rayuan pihak pendakwaraya diterima dan hukuman mati telah disabitkan ke atas perayu ke dua. Di antara hujah mahkamah ialah kesalahan yang dilakukan iaitu mengedar 1550.01 gm heroin adalah satu kesalahan yang amat serius, perayu juga telah mempunyai rekod penglibatan dalam jenayah yang sama sebelum ini, menjaga kepentingan awam serta supaya hukuman itu menjadi unsur pencegahan bagi orang lain.

Bagi mencapai objektif pencegahan dalam hukuman sebat di bawah undang-undang jenayah sivil masa kini ianya memerlukan kepada satu prosedur pelaksanaan yang menghalau kepada mencapai objektif itu. Melihat kepada prosedur pelaksanaan hukuman sebat yang diamalkan menurut peraturan jenayah sivil yang ada kini, kenyataan tersebut masih boleh dipertikaikan kerana dari sudut mana ia boleh mendatangkan rasa takut serta mendatangkan unsur pencegahan terutamanya kepada masyarakat, sedangkan pelaksanaannya dibuat secara senyap dan tertutup. Sebaliknya sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini unsur kekerasan hukuman sebat dalam undang-undang jenayah awam didapati gagal memulihkan penjenayah sebaliknya mendatangkan kesan negatif. Buktinya hukuman ini telah dihapuskan di barat atas alasan gagal memulih serta menginsafkan penjenayah.

iii. Pemulihan

Objektif pemulihan juga dilihat sebagai satu justifikasi bagi hukuman sebat bagi kesalahan-kesalahan hudud dan takzir. Fukaha berpendapat pemulihan penjenayah merupakan tujuan utama hukuman sebat bagi kes-kes takzir.¹²⁰ Ia dianggap penting disamping cara-cara yang lain seperti buang daerah dan juga penjara. Oleh itu bagi penzina yang bukan muhsan hukumannya ialah disebat serta buang daerah seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Dari sudut psikologi, hukuman dilihat dari satu aspek sebagai mempunyai kebaikan-kebaikan tertentu di mana mereka yang dihukum akan mempelajari bagaimana mengelakkan diri dari hukuman tersebut. Umpama seorang kanak-kanak yang terpegang api akan mengalami rasa panas dan sakit. Ianya menyakitkan tetapi menyedarkan kanak-kanak itu akan bahaya api, lalu dia akan berusaha menjauhkan diri dari menerima hukuman yang sama. Inilah juga yang dikatakan pemulihan dan pengajaran.¹²¹

Dari perspektif undang-undang jenayah sivil, sesuatu hukuman juga bertujuan untuk memulihkan penjenayah samada dari segi mental serta tingkahlaku mereka supaya menghalau ke arah pemikiran yang positif serta selari dengan kehendak undang-undang. Apabila masyarakat patuh kepada undang-undang dengan sendirinya jenayah akan berkurangan. Sesuatu hukuman juga akan lebih berkesan apabila hukuman yang dikenakan boleh dianggap sebagai munasabah iaitu tidak

¹²⁰ Hussayni Sulaymān Jād (Dr.), *op.cit*, hal.159

¹²¹ Mahmood Nazar Mohamed (1992), *Pengantar Psikologi : satu pengenalan Asas Kepada Tingkah Laku Manusia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal.146.

terlalu berat serta tidak terlalu ringan.¹²² Oleh berbagai program pemulihan mental , karektor serta spiritual disediakan oleh pihak penjara Malaysia kepada para banduan. Antara lain ialah program keagamaan seperti ceramah agama , motivasi dan lain-lain. Semua ini bertujuan memperbetulkan serta memulihkan pemikiran serta persepsi yang silap di kalangan para banduan serta mengembalikan mereka kepada cara hidup yang normal.¹²³

Kesimpulannya kebanyakan fukaha berpendapat bahawa aspek pembalasan, pencegahan serta pemulihan adalah merupakan tujuan utama kepada semua hukuman dalam Islam.¹²⁴ Ia termasuklah hukuman sebat itu sendiri yang diperuntukkan di bawah kesalahan hukuman hudud dan takzir. Secara umum didapati objektif hukuman sebat di dalam undang-undang jenayah sivil juga bertujuan mencapai objektif pembalasan, pencegahan serta pemulihan. Apa yang berbeza ialah objektif hukuman dalam undang-jenayah awam tidak mengandungi unsur-unsur pemulihan rohani serta tiada objektif keagamaan. Oleh itu hukuman yang dikenakan lebih fokus kepada mencapai matlamat hukuman di dunia ini sahaja. Manakala hukuman dalam undang-undang jenayah menumpukan kepada objektif pembalasan duniaawi serta berkait pula dengan tanggungjawab keagamaan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Oleh itu sesuatu hukuman juga turut mengharapkan keampunan serta keredhaan tuhan.

Di Malaysia hukuman sebat masih di gunakan hingga ke hari ini kerana terdapat dalam statut. Hickling (2001) menyatakan: “*Whipping illustrates one of the more severe features of the Malaysian system of justice, seen at its most extreme in the*

¹²² Hashim Mehat, *op.cit*, hal. 12.

¹²³ Temu bual bersama TPP Mohd. Sabri Ismail,*op.cit*.

¹²⁴ Muhammad Salim el- Awwa, *op.cit*, hal.78.

penalty of death by hanging...”¹²⁵. Ia menunjukkan kepada kita tanggapan masyarakat terutamanya orang-orang barat tentang hukuman sebat adalah negatif. Begitu juga dengan hukuman mati yang disifatkan sebagai paling keras. Dalam konteks hukuman sebat, dakwaan ini sebenarnya berlandaskan apa yang difahami melalui hukuman sebat yang dipraktiskan dalam undang-undang jenayah sivil di Malaysia. Tapi apakah kita hendak menyamakannya dengan hukuman sebat dalam Islam. Sesungguhnya ia amat jauh berbeza . Perbincangan tentang hukuman sebat menurut hukum Islam dan undang-undang jenayah akan dibicarakan pada bab ketiga kajian ini.

Secara umumnya , hukuman sebat menurut undang-undang jenayah awam di Malaysia hanya akan dikenakan kepada kesalahan-kesalahan berat di mana terdapatnya unsur keganasan dan kekerasan. Tujuannya ialah supaya penjenayah terbabit turut merasai keperitan dan kekejaman yang telah mereka lakukan pada mangsa mereka dan menjadi insaf.¹²⁶ Contohnya ialah dalam kes *Lim Tien Hin & Ors*¹²⁷ . Kes ini adalah berkenaan dengan kesalahan merompak. Di dalam catatan penghakiman, Hakim Murray- Aynsly bersetuju bahawa setiap jenayah merompak samada bersenjata atau pun tidak adalah jenayah keganasan yang boleh dikenakan hukuman penjara untuk tempoh yang panjang dan juga boleh dikenakan hukuman sebat bagi kes-kes tertentu. Dalam kes ini juga Hakim berpendapat hukuman sebat hanya boleh dikenakan apabila terdapatnya unsur keganasan yang nyata ke atas fizikal mangsa seperti menyebabkan kecederaan tanpa mengira ringan atau

¹²⁵R.H. Hickling (2001), *Malaysian Law*, Kuala Lumpur : Professional (law) Books Publishers, hal. 181

¹²⁶Mimi Kamariah Majid (1995), *Criminal Procedure In Malaysia*, Second Edition,Kuala Lumpur ; University of Malaya Press,hal.378.

¹²⁷[1953] *M.L.J* 213

pun sebaliknya. begitu juga dalam kes *Muhammad Ali*¹²⁸ didapati kuasa menentukan tahap keganasan serta bahaya sesuatu jenayah adalah terletak pada pertimbangan hakim. Kes ini berkaitan dengan seksyen 380 kanun Keseksaan iaitu bagi jenayah curi, di mana tertuduh telah didapati bersalah mencuri seabyak 200 kotak rokok dari sebuah rumah. Selain itu beliau juga pernah didakwa beberapa kali atas kesalahan yang sama. Dalam kes ini hakim mahkamah tinggi telah mewajarkan hukuman ke atas beliau daripada penjara setahun serta enam kali sebat kepada penjara setahun serta berada dalam pemerhatian polis selama setahun. Mahkamah memutuskan bagi kes-kes terbabit bahawa hukuman sebat hendaklah dikenakan kerana kekerasan yang menimbulkan kesakitan yang teramat sangat telah dilakukan oleh penjenayah terhadap mangsa.

Oleh kerana kesalahan-kesalahan yang diistilahkan sebagai berat dikaitkan dengan unsur-unsur keganasan atau kekerasan serta bahaya yang besar kepada masyarakat, maka ia memberi satu ruang kepada para hakim untuk menafsirkan sejauh mana sesuatu kesalahan itu dinilai sebagai berat dan bahaya. Misalnya dalam kes *Kharudin*¹²⁹ tertuduh didapati bersalah kerana mencuri sebuah basikal dan telah dikenakan hukuman penjara selama satu tahun dan tiga sebatan. Dalam kes ini sebatan dianggap perlu walaupun kesalahannya hanyalah mencuri sebuah basikal tetapi disebabkan pesalah telah disabitkan dengan tiga belas kes yang sama sebelum ini maka dia dijatuhi hukuman sebat kerana sering mengulangi kesalahan yang sama menjadi faktor hukuman diberatkan. Dia juga telah dilihat sebagai menjadikan mencuri sebagai tabiatnya (*habitual thief*). Apabila dikemukakan rayuan, Hakim Syed Othman telah mengetepikan hukuman sebat :

¹²⁸ [1956] *M.L.J* 84

¹²⁹ [1969] *M.L.J* 45

tersebut atas alasan unsur keganasan tidak wujud sama sekali. Dengan itu perbuatannya yang berkali-kali mengulangi kesalahan yang sama tidak dijadikan faktor pemberat yang melayakkan dijatuhi hukuman sebat.